Wakil Dari Unsur Tokoh Masyarakat/ Badan non Kerajaan	5	TP PKK DKI Jakarta	"Situasi dan kondisi ekonomi yang belum stabil memang patut menjadi pertimbangan yang penting untuk dikedepankan. Seperti sabda Nabi: "Hampir-hampir saja kemiskinan itu menjadi penyebab kekufuran". Alhamdulillah politik relatif stabil, namun tetap harus diwaspadai. Teknologi dan maklumat yang harus diawasi tayangan TV, situs porno dll terutama kebebasan seks."
	6	An Nashr Institute	"Bersesuaian. Sangat bersesuaian. Kerana keempat faktor tersebut sangat mempengaruhi kehidupan masyarakat saat ini."
	7	Al Hidayah	"Faktor eksternal tersebut sangat bersesuaian dengan situasi dan kondisi masyarakat Jakarta saat ini."
Wakil Dari Unsur Dunia Keusahawanan/ Lembaga Kewangan	8	Bakrie Group	"Ke-4 faktor memiliki kesesuaian dengan situasi dan kondisi masyarakat Jakarta."
	9	Bank DKI	"Masyarakat Jakarta, masih sangat dipengaruhi oleh situasi dan kondisi ekonomi dan sosial budaya yang belum pulih sepenuhnya (sembako ngantri, bentrokan dan tawuran). Meski politik relatif stabil, tapi belum mencerminkan kehidupan berpolitik meningkat, sedangkan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat namun terus mengarah kepada pemanfaatan yang negatif (banyaknya situs porno dan kejahatan teknologi di perbankan seperti kasus credit card)."
Wakil Dari Unsur Media Massa	10	Tabloid Suara Islam	"Cukup Bersesuaian."
Wakil Dari Unsur Ahli akademik/ Pengamat Pembangunan Insan Aspek Kesejahteraan Sosial Mental Spirituil	11	Ahli akademik/ Pengamat Perorangan	"Keempat faktor tersebut sangat bersesuaian. Sikon politik yang relatif stabil sesungguhnya menyimpan potensi konflik yang besar dan kompleks. Stabilitas dapat terancam oleh sifat sistem politik yang cenderung sekuler. Kapitalistik dengan karakter self destruktif-nya, kesenjangan pemenuhan civil right, political right dan social right yang melebar antara elit dan non elit menjadi sangat berpengaruh terhadap sikon masyarakat."
	12	Ahli akademik/ Pengamat SEM Institute	"Masyarakat Jakarta lebih banyak dipengaruhi oleh kondisi sosial dan budaya yang mudah sekali berubah akibat pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi. Diperlukan peran polisi politik pemerintah sebagai barrier masuknya nilai-nilai sosial yang merusak. Kondisi ekonomi adalah faktor pendukung yang berpengaruh pada corak gaya hidup masyarakat."

Sumber : Berdasarkan jawapan atas soal terbuka berstruktur dalam soal selidik dari seluruh responden pada yang dikumpulkan pada masa 1- 20 Mei 2008.

Demikian halnya dengan penetapan **faktor** dan **subfaktor** **dalaman** - sebagaimana disebutkan dalam subbab sebelumnya - umumnya juga dinyatakan bersesuaian dengan situasi dan keadaan implementasi polisi hingga program pembangunan insan aspek sosial akhlak semasa yang dirasakan masyarakat Jakarta oleh seluruh responden pakar. Pada beberapa responden juga terdapat pernyataan yang lebih menitikberatkan pada satu atau dua faktor dalaman tertentu. Pernyataan para responden pakar melatarbelakangi cara berpikir responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan.

Pernyataan kesesuaian tersebut – berdasarkan jawapan responden terhadap soal selidik yang diberikan - ditampilkan pada Jadual 4.5. Pernyataan Responden Pakar Wakil Dari Unsur Parlimen (DPRD) dan Kerajaan (Pemerintah Provinsi) Ibu Kota Jakarta Tentang Kesesuaian Penetapan Faktor Dalaman Terhadap Situasi dan Keadaan Implementasi Polisi - Program Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak Semasa dan Jadual 4.6. Pernyataan Responden Pakar Wakil Dari Unsur Masyarakat Ibu Kota Jakarta Tentang Kebersesuaian Penetapan Faktor Dalaman Terhadap Situasi dan Keadaan Implementasi Polisi - Program Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak Semasa.

Jadual 4.5.**Pernyataan Responden Pakar Wakil Dari Unsur Parlimen (DPRD) Dan Kerajaan (Pemerintah Provinsi) Ibu Kota Jakarta Tentang Kebersesuaian Penetapan Faktor Dalam Terhadap Situasi dan Keadaan Implementasi Polisi - Program Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak Semasa**

Kategori Responden	No	Asal Responden	Pernyataan
Wakil Dari Unsur Kerajaan	1	Badan Perencanaan pembangunan Daerah (BAPPEDA)	<i>"Faktor-faktor internal tersebut cukup bersesuaian dengan kondisi masyarakat Jakarta saat ini. Namun, dalam penyusunan polisi keagamaan di Jakarta saat ini bukan sepenuhnya tanggung jawab pemerintah daerah, kerana urusan agama masih merupakan urusan pemerintah pusat."</i>
	2	Biro Adm. Kesmas	<i>"Ketiga faktor eksisting di atas harus berjalan sinergis untuk meningkatkan sumberdaya insan bagi masyarakat."</i>
	3	Dinas Bintel dan Kesos	<i>"Faktor internal yang paling berpengaruh adalah belum adanya standar pengaturannya yang lengkap, sehingga program bersifat statis dan dimungkinkan pemanfaatan dana menjadi tidak optimum."</i>
	4	Badan Pemberdayaan Masyarakat (BPM)	<i>"Bersesuaian dan sangat dibutuhkan komprehensif/holistik dalam pengelolaannya."</i>
	5	Biro Organisasi dan TataLaksana	<i>„Program yang belum optimum akan menyulitkan dalam penyusunan standard sementara situasi ekonomi yang belum pulih akan mempengaruhi kehidupan masyarakat. Begitu pula situasi politik juga sering mempengaruhi.“</i>
	6	Badan Pengawasan Daerah (Bawasda)	<i>"Masyarakat Jakarta sangat membutuhkan aktiviti keagamaan yang saat ini belum optimum, dukungan dana serta sarana dan prasarana sampai saat ini masih sangat diperlukan oleh lembaga keagamaan dan masyarakat pada umumnya."</i>
Wakil Dari Unsur Parlimen (DPRD) Provinsi Ibu Kota Jakarta	7	Komisi E DPRD	<i>"Selama ini organisasi yang ada dimasyarakat sudah terlihat melaksanakan program-program pembangunan sosial/akhlaq. Akan tetapi, kerana mereka masih berjalan sendiri-sendiri, belum rapi manajemennya dan belum adanya dukungan dari pemerintah, maka usaha ini blm optimum. Bila semuanya dapat berkoordinasi mungkin dapat lebih optimum. Dan diharapkan pemerintah dapat memfasilitasi hal ini."</i>

Sumber : Berdasarkan jawaban atas soal terbuka berstruktur dalam soal selidik dari seluruh responden pada yang dikumpulkan pada periode 1- 20 Mei 2008.

Jadual 4.6.

Pernyataan Responden Pakar Wakil Dari Unsur Masyarakat Ibu Kota Jakarta Tentang Kebersesuaian Penetapan Faktor Dalam Terhadap Situasi Dan Keadaan Implementasi Polisi - Program Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak Semasa

Kategori Responden	No	Asal Responden	Pernyataan
Wakil Dari Unsur Tokoh Agama/ Pimpinan Badan Keislaman	1	Forum Umat Islam (FUI)	"Untuk membangun kehidupan keberagaman yang baik maka tidak akan mungkin terjadi jika sumberdaya organisasi dan sumberdaya insannya tidak baik, walaupun sebenarnya dana, sarana dan prasarana Jakarta sudah sangat memadai, apalagi jika manajemen diidentikkan dengan biaya tinggi akibat pungutan liar."
	2	Muslimah Peduli Umat (MPU)	"Faktor (1): target program tidak tercapai secara merata di masyarakat. Faktor (2): sikap masyarakat yang kacau tanpa kelengkapan aturan. Faktor (3): keterbatasan sarana."
	3	Dewan Masjid Indonesia (DMI)	"Harus ada niat yang serius untuk melakukan perubahan dengan berani dan yang utama adalah meninggalkan kepentingan pribadi mengutamakan kepentingan umat sesuai ajaran Islam."
	4	BAZIS DKI	"Kebersesuaian fakta-fakta internal tersebut dapat dipertimbangkan (tingkat pengaruhnya) secara hirarki sebagai berikut : (1) standar pengaturan masih belum lengkap/ menyeluruh, (2) pengurusan program/aktiviti masih belum optimum, dan (3) sokongan dana, sarana dan prasarana masih belum memadai."
Wakil Dari Unsur Tokoh Masyarakat/ Badan non Kerajaan	5	TP PKK DKI Jakarta	"Sulit jika tidak diikuti dengan inplementasi kehidupan agama/ Islam maksimum diterapkan di seluruh lapisan masyarakat, legislatif maupun pejabat-pejabatnya."
	6	An Nashr Institute	"Bersesuaian. Ini yang terjadi selama ini. Mestinya ditambahkan soal leadership pemimpinnya/Gabenor. Penting!"
	7	Al Hidayah	„Standar pengaturan harus terus disempurnakan/dilengkapi, secara komprehensif sehingga dapat dirasakan manfaatnya oleh seluruh masyarakat. Untuk itu perlu dukungan dana, sarana dan prasarana secara memadai dan mengoptimumkan sistem managerial terhadap berbagai stakeholder."
Wakil Dari Unsur Dunia Keusahawanan/ Lembaga Kewangan	8	Bakrie Group	"Bersesuaian."
	9	Bank DKI	"Dukungan dana, sarana dan prasarana yang belum memadai, mengakibatkan banyak program dan aktiviti belum berjalan secara optimum di samping peraturan yang belum lengkap."
Wakil Dari Unsur Media Massa	10	Tabloid Suara Islam	"Cukup Bersesuaian."
Wakil Dari Unsur Ahli Akademik/ Pengamat Pembangunan Insan Aspek Kesejahteraan Sosial Mental Spirituil	11	Ahli akademik/ Pengamat Perorangan	"Potensi ketiga faktor tersebut dengan sikon masyarakat Jakarta saat ini memang masih tampak dalam realiti. Namun faktor internal ini lebih kerana dampak langsung atau tidak langsung dari faktor-faktor eksternal. Pembangunan sosial akhlak yang belum matang pelan, arah dan bentuknya pada akhirnya hanya akan menimbulkan kebingungan di tengah masyarakat tentang kehidupan beragama yang ideal. Hal ini kerana faktor eksternal mengarahkan pada tuntutan pembangunan ekonomi sebagai fokus dan indikator utama keberhasilan pembangunan daerah."
	12	Ahli akademik/ Pengamat SEM Institute	"Faktor 1 dan 2 cukup berpengaruh dan bersesuaian, kerana kondisi faktual menunjukkan hal demikian. Sedangkan dukungan dana dan prasarana, persoalannya adalah inventarisasi dan sinergi penggunaan fasilitas agar dapat digunakan secara optimum. Perlu diversifikasi program untuk optimumkan fasiliti."

Sumber : Berdasarkan jawapan atas soal terbuka berstruktur dalam soal selidik dari seluruh responden pada yang dikumpulkan pada masa 1- 20 Mei 2008.

4.4.1. Faktor-Faktor Luaran Yang Berkesan Dalam Penyusunan Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak Di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

Selanjutnya, berdasarkan hasil kajian yang diolah dari isian 19 responden, didapati bahawa penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak di ibu kota Jakarta 2008-2012 dengan matlamat (*goal*) “Terwujudnya Kehidupan Masyarakat Jakarta yang Berakhlak, Bermoral dan Sarat dengan Nilai-Nilai Keagamaan, Berbudaya, Berdisiplin dan Produktif” dipengaruhi oleh 4 (empat) faktor luaran (sesuai peringkat darjah keberkesanan) seperti tampak pada jadual 4.7, iaitu :

- (1) situasi dan keadaan politik yang relatif stabil, dengan darjah keberkesanan 0.333,
- (2) situasi dan keadaan ekonomi yang belum sepenuhnya pulih, dengan darjah keberkesanan 0.235,
- (3) situasi dan keadaan sosial budaya yang belum sepenuhnya pulih, dengan darjah keberkesanan 0.224, serta
- (4) situasi dan keadaan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat, dengan darjah keberkesanan 0.207.

Nilai *concistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai namun tetap berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Dari keempat faktor tersebut, 2 (dua) faktor lebih bersifat sebagai pertimbangan positif yang mendukung penyusunan polisi pembangunan insan pada aspek sosial akhlak, iaitu (1) situasi dan keadaan politik yang relatif stabil serta (2) situasi dan keadaan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat. Prinsipnya, kedua faktor ini harus disikapi dengan cara memanfatkannya sebaik-baiknya bagi memudahkan proses penyusunan polisi.

Jadual 4.7.
Faktor-Faktor Luaran Dengan Darjah Keberkesanan Dan Prioritinya
Dalam Penyusunan Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak
Di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

No	Faktor – Faktor Luaran	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Situasi dan Keadaan EKONOMI yang belum sepenuhnya pulih	0.236	0.038	0.061	0.408	0.244	0.405	0.222	0.235	2
2.	Situasi dan Keadaan POLITIK yang relatif stabil	0.187	0.652	0.599	0.408	0.088	0.338	0.485	0.333	1
3.	Situasi dan Keadaan SOSIAL BUDAYA yang belum sepenuhnya pulih	0.264	0.117	0.160	0.124	0.391	0.116	0.190	0.224	3
4.	Situasi dan Keadaan TEKNOLOGI MAKLUMAT dan KOMUNIKASI yg pesat	0.313	0.193	0.179	0.060	0.278	0.141	0.103	0.207	4
	Total	1.000	1.000	0.999	1.000	1.001	1.000	1.000	0.999	
	<i>Consistency Ratio (CR ≤ 0.10)</i>	0.010	0.100	0.070	0.090	0.030	0.020	0.010	0.000	

Sementara 2 (dua) faktor lainnya lebih bersifat sebagai pertimbangan negatif yang menjadi tantangan yang harus dihadapi dalam penyusunan polisi, iaitu (1) situasi dan keadaan ekonomi yang belum sepenuhnya pulih serta (2) situasi dan keadaan sosial budaya yang belum sepenuhnya pulih. Prinsipnya, kedua faktor ini hendaknya ditanggapi dengan cara menjadikannya sebagai situasi dan keadaan yang harus diperbaiki melalui penyusunan polisi, khususnya senario polisi berikut strategi hingga program aksinya.

Jika dilihat berdasarkan kategori responden, maka dari ketujuh kategori responden, tiga responden iaitu parlimen, ahli akademik/pengamat, dan tokoh agama menempatkan faktor luaran situasi dan keadaan politik yang relatif stabil menjadi situasi dan keadaan politik yang relatif stabil menjadi faktor luaran pada peringkat

pertama dengan darjah keberkesanan tertinggi. Responden media masa menempatkannya sama penting dengan faktor luaran situasi dan keadaan ekonomi yang belum sepenuhnya pulih. Responden tokoh masyarakat menempatkan faktor luaran situasi dan keadaan ekonomi yang belum sepenuhnya pulih sebagai faktor paling penting.

Sementara responden kerajaan lebih menempatkan faktor situasi dan keadaan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat pada peringkat kepentingan yang pertama. Responden dunia keusahawanan dan lembaga kewangan lebih menempatkan situasi dan keadaan sosial budaya yang belum sepenuhnya pulih sebagai faktor dengan peringkat kepentingan yang pertama.

Secara keseluruhan pendapat dari seluruh kategori responden hampir seimbang atau relatif sama dalam memberi nilai bobot atau darjah keberkesanan terhadap semua faktor luaran. Realiti ini menunjukkan bahawa semua faktor itu memiliki keberkesanan yang hampir sama sehingga semuanya penting untuk menjadi bahan pertimbangan dalam menyusun polisi pembangunan ini. Sekalipun – tentu – tetap ada prioriti yang menjadi rujukan pertimbangan.

Hal ini dapat difahami kerana seperti yang tercermin dalam pendapat responden atas kebersesuaian faktor-faktor luaran dengan keadaan masyarakat Jakarta semasa, semua faktor luaran diakui memiliki pengaruh terhadap keadaan masyarakat Jakarta saat ini. Hal ini jugalah yang membuat nilai darjah keberkesanan semua faktor luaran tidak terlalu berbeza jauh.

Situasi dan keadaan politik yang relatif stabil (dengan darjah keberkesanan 0.333) sebagai pertimbangan prioriti pertama hendaknya dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya sebagai dasar pertimbangan pertama. Hal ini kerana menunjukkan bahawa penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak relatif tidak akan mengalami kendala politik. Terlebih, kerana situasi dan keadaan politik yang relatif stabil ini

didukung oleh seluruh subfaktornya, utamanya subfaktor *political will* kerajaan dan parlimen yang cukup tinggi serta sokongan ulama/tokoh/ahli akademik yang cukup tinggi. Hasil kajian tentang subfaktor situasi dan keadaan politik ini selengkapnya ditampilkan dalam jadual 4.9.

Situasi dan keadaan ekonomi yang belum sepenuhnya pulih (dengan darjah keberkesanan 0.235) menjadi pertimbangan kedua. Faktor ini menegaskan bahawa proses pembangunan tahap 2002-2007 belum sepenuhnya mampu mengentaskan masyarakat Jakarta untuk kembali pada situasi dan keadaan ekonomi yang lebih baik setelah peristiwa krisis multidimensi 1998 yang lalu. Setidaknya, hal ini tergambar pada pilihan tahap kemiskinan sebagai peringkat pertama yang harus dipertimbangkan sejalan dengan fenomena lonjakan kemiskinan yang tinggi dari 227,000 orang pada tahun 2002 menjadi 405,700 orang pada tahun 2007 seperti yang dirilis Bappeda DKI Jakarta.⁸ Tahap pengangguran yang masih tinggi sejatinya turut menyumbang terhadap tingginya tahap kemiskinan. Hasil kajian tentang subfaktor situasi dan keadaan ekonomi ini selengkapnya ditampilkan dalam jadual 4.8.

Imbas krisis multidimensi juga berkesan pada situasi dan keadaan sosial budaya yang belum sepenuhnya pulih (dengan darjah keberkesanan 0.224). Terlebih kerana tahap penerimaan masyarakat terhadap polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak relatif tidak merata sekalipun akar budaya Betawi sebagai budaya identiti masyarakat Jakarta beragama (Islam). Hasil kajian tentang subfaktor situasi dan keadaan sosial budaya ini selengkapnya ditampilkan dalam jadual 4.10.

Sementara situasi dan keadaan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat (dengan darjah keberkesanan 0.207) menjadi pertimbangan keempat menunjukkan bahawa kehadirannya yang pesat pasca krisis multidimensi menjadi pertimbangan yang mendukung bagi penyusunan polisi ini. Kehadirannya harus benar-benar dapat

⁸ Biro Pusat Statistik (BPS) Provinsi DKI Jakarta (2007), *Jakarta Dalam Angka*. Jakarta : BPS Provinsi DKI Jakarta.

dimanfaatkan bagi proses pembuatan, komunikasi kepada khalayak, implementasi hingga pengawalannya. Hasil kajian tentang subfaktor situasi dan keadaan teknologi maklumat dan komunikasi ini selengkapnya ditampikan dalam jadual 4.11.

Jadi, sekalipun secara peringkat, darjah keberkesanan situasi dan keadaan politik yang relatif stabil berada di peringkat (prioriti) pertama disusul dengan situasi dan keadaan ekonomi yang belum sepenuhnya pulih, situasi dan keadaan sosial budaya yang belum sepenuhnya pulih, dan situasi dan keadaan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat, namun dalam penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak, dicadangkan agar tetap memperhatikan keseluruhan faktor secara bersamaan. Bagaimanapun kerana keempatnya tetap memiliki pengaruh yang hampir sama terhadap penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak.

Jadual 4.8.
Subfaktor-Subfaktor Luaran Situasi Dan Keadaan Ekonomi Dengan Darjah Keberkesanan Dan Prioritinya Dalam Penyusunan Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak Di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

No	Sub-Subfaktor Luaran Situasi & Keadaan Ekonomi	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Tahap Kemiskinan yang masih tinggi	0.433	0.900	0.274	0.167	0.691	0.521	0.634	0.514	1
2.	Tahap Pengangguran yang masih tinggi	0.567	0.100	0.726	0.833	0.309	0.479	0.366	0.486	2
	Total	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	
	<i>Consistency Ratio</i> (CR ≤ 0.10)	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	

Selanjutnya, jadual 4.8 memperlihatkan bahawa pada situasi dan keadaan ekonomi yang belum sepenuhnya pulih terdapat 2 (dua) subfaktor yang berkesan dan

harus dipertimbangkan dalam penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak, yakni :

(1) tahap kemiskinan yang masih tinggi, dengan darjah keberkesanan 0.514, dan

(2) tahap pengangguran yang masih tinggi, dengan darjah keberkesanan 0.486.

Nilai *concistency ratio* seluruh responden adalah 0 (nol). Ini bererti nilai *concistency ratio* seluruh responden berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Secara terpisah, terdapat 4 (empat) katagori responden yang menempatkan subfaktor tahap kemiskinan yang masih tinggi pada peringkat pertama, iaitu parlimen, dunia keusahawanan dan lembaga kewangan, tokoh masyarakat dan tokoh agama. Selebihnya 3 (tiga) katagori responden menempatkan subfaktor tahap pengangguran yang masih tinggi sebagai subfaktor di peringkat pertama, iaitu kerajaan, ahli akademik/pengamat, dan media masa.

Namun demikian, secara keseluruhan, darjah keberkesanan yang hampir sama, dengan selisih yang tidak jauh menunjukkan seluruh responden memiliki pemahaman yang hampir sama bahawa kedua subfaktor hampir sama penting. Keduanya adalah persoalan yang harus dipertimbangkan dan ditanggulangi secara bersamaan. Keduanya memberi sumbangan satu sama lain. Tahap kemiskinan yang masih tinggi boleh disebabkan oleh tahap pengangguran yang masih tinggi. Sebaliknya, tahap pengangguran yang masih tinggi juga boleh disebabkan oleh tahap kemiskinan yang masih tinggi di mana di dalamnya termasuk miskin keahlian untuk bekerja.

Kerana itu, sekalipun tetap ada prioriti, dalam penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak dicadangkan agar tetap memperhatikan dan mengatasi kedua subfaktor ini secara bersamaan, mengingatkan beza nilai darjah keberkesanannya tidak jauh.

Jadual 4.9.
Subfaktor-Subfaktor Luaran Situasi Dan Keadaan Politik
Dengan Darjah Keberkesanan Dan Prioritinya
Dalam Penyusunan Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak
Di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

No	Sub- Subfaktor Luaran Situasi & Keadaan Politik	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	<i>Political Will</i> Kerajaan (Pemerintah Provinsi) & Parlimen (DPRD) yang cukup tinggi	0.663	0.574	0.742	0.750	0.264	0.341	0.410	0.529	1
2.	Sokongan Badan non Kerajaan (NGO) yg cukup tinggi	0.100	0.065	0.100	0.078	0.210	0.168	0.141	0.130	3
3.	Sokongan Ulama/ Tokoh/Ahli akademik yg cukup tinggi	0.237	0.361	0.158	0.171	0.526	0.491	0.449	0.341	2
	Total	1.000	1.000	1.000	0.999	1.000	1.000	1.000	1.000	
	<i>Consistency Ratio</i> (CR ≤ 0.10)	0.000	0.050	0.010	0.100	0.010	0.030	0.000	0.000	

Jadual 4.9. memperlihatkan bahawa faktor situasi dan keadaan politik yang relatif stabil memiliki 3 (tiga) subfaktor yang perlu dipertimbangkan. Ketiga subfaktor tersebut secara berurutan sesuai peringkat (prioriti) adalah :

- (1) *political will* parlimen dan kerajaan yang cukup tinggi, dengan darjah keberkesanan 0.528,
- (2) sokongan ulama/tokoh/ahli akademik yang cukup tinggi, dengan darjah keberkesanan 0.341, dan
- (3) sokongan badan non kerajaan (*non government organization* atau disingkat dengan NGO) yang cukup tinggi, dengan darjah keberkesanan 0.130.

Nilai *consistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai namun tetap di bawah atau sama dengan 0.10. Ini berarti nilai *consistency ratio* seluruh responden berada pada nilai yang dibolehkan yaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Jika dilihat secara terpisah, subfaktor *political will* parlimen dan kerajaan yang cukup tinggi ditempatkan pada peringkat kepentingan pertama oleh 4 (empat) responden, yaitu : kerajaan, parlimen, ahli akademik/pengamat dan media masa. Selebihnya, 3 (tiga) responden lainnya menempatkan subfaktor sokongan ulama/tokoh/ahli akademik yang cukup tinggi di peringkat kepentingan yang pertama.

Realiti ini menunjukkan bahawa kedua subfaktor tersebut lebih dipertimbangkan dari pada subfaktor yang ketiga iaitu sokongan badan non kerajaan (*non government organization* atau disingkat dengan NGO) yang cukup tinggi. Hal ini dapat difahami kerana subfaktor *political will* parlimen dan kerajaan yang cukup tinggi menjadi sebuah keharusan dalam penyusunan dan pelaksanaan polisi pembangunan. Subfaktor sokongan ulama/tokoh/ahli akademik juga penting kerana mereka dalam kehidupan sehari-hari berperanan sebagai pemimpin-pemimpin masyarakat secara informal (*informal leader*).

Secara keseluruhan, dalam penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak dicadangkan agar menjadikan subfaktor *political will* parlimen dan kerajaan yang cukup tinggi sebagai pertimbangan pertama, lalu berikutnya subfaktor sokongan ulama/tokoh/ahli akademik dan subfaktor sokongan badan non kerajaan (NGO) yang cukup tinggi.

Jadual 4.10.
Subfaktor-Subfaktor Luaran Situasi Dan Keadaan Sosial Budaya
Dengan Darjah Keberkesanan Dan Prioritinya
Dalam Penyusunan Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak
Di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

No	Sub- Subfaktor Luaran Situasi & Keadaan Sosial Budaya	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Akar Budaya Betawi yang Beragama	0.204	0.088	0.143	0.078	0.361	0.140	0.196	0.191	3
2.	Tahap Penerimaan Masyarakat terhadap polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak yang tidak merata	0.428	0.773	0.121	0.635	0.420	0.580	0.459	0.451	1
3.	Tahap Kawalan Sosial Masyarakat yang tidak merata	0.369	0.139	0.736	0.287	0.219	0.280	0.345	0.358	2
	Total	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	
	<i>Consistency Ratio</i> (CR ≤ 0.10)	0.010	0.050	0.000	0.090	0.020	0.030	0.010	0.000	

Pada jadual 4.10. faktor situasi dan keadaan sosial budaya yang belum sepenuhnya pulih memiliki 3 (tiga) subfaktor (sesuai peringkat keberkesanan), iaitu :

- (1) tahap penerimaan masyarakat terhadap polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak yang tidak merata, dengan darjah keberkesanan 0.451,
- (2) tahap kawalan sosial masyarakat yang tidak merata, dengan darjah keberkesanan 0.358, dan
- (3) akar budaya Betawi yang beragama, dengan darjah keberkesanan 0.191.

Nilai *consistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai namun tetap berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Berdasarkan pendapat dari setiap kategori responden, diketahui bahwa hampir semua atau sebanyak 6 (enam) responden memilih subfaktor tahap penerimaan masyarakat terhadap polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak yang tidak merata sebagai subfaktor dengan tahap kepentingan tertinggi. Sementara hanya 1 (satu) responden yaitu ahli akademik/pengamat yang menjadikan tahap kawalan sosial masyarakat yang tidak merata sebagai subfaktor pada peringkat kepentingan pertama. Yang menarik untuk dicermati adalah penempatan subfaktor akar budaya Betawi yang beragama (Islam) pada posisi yang ketiga oleh hampir semua responden, kecuali responden kategori dunia keusahawanan/lembaga kewangan. Padahal sebelumnya dalam banyak forum ilmiah di Jakarta, akar budaya Betawi yang beragama ini sering dijadikan sebagai alasan utama bagi pentingnya polisi pembangunan yang berpijak pada agama (Islam).

Realiti ini menunjukkan bahawa keadaan akar budaya Betawi yang beragama ternyata tidak secara automatik membangun tahap penerimaan masyarakat yang sama terhadap polisi pembangunan insan dan tidak secara automatik pula membangun tahap kawalan sosial masyarakat. Tampaknya akar budaya Betawi yang beragama lebih dilihat sebagai hal yang sudah '*given*', realiti yang sudah seharusnya memudahkan disusunnya polisi pembangunan yang berbasis pada agama (Islam).

Kerananya secara keseluruhan dapat difahami jika subfaktor tahap penerimaan masyarakat terhadap polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak yang tidak merata dan subfaktor tahap kawalan sosial masyarakat yang tidak merata mendapat prioriti awal untuk dipertimbangkan dalam penyusunan polisi pembangunan insan pada aspek sosial akhlak daripada subfaktor akar budaya Betawi yang beragama.

Jadual 4.11.
Subfaktor-Subfaktor Luaran Situasi Dan Keadaan Teknologi
Dengan Darjah Keberkesanan Dan Prioritinya
Dalam Penyusunan Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak
Di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

No	Sub- Subfaktor Luaran Situasi & Keadaan Teknologi	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Perkembangan Teknologi Maklumat & Komunikasi yang pesat	0.447	0.125	0.309	0.167	0.691	0.255	0.589	0.414	2
2.	Keberadaan Media Maklumat & Komunikasi yang berkembang pesat	0.553	0.875	0.691	0.833	0.309	0.745	0.411	0.586	1
	Total	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	
	<i>Consistency Ratio</i> (CR ≤ 0.10)	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	

Sementara - seperti ditampikan pada jadual 4.11 di atas - pada faktor situasi dan keadaan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat, terdapat 2 (dua) subfaktor (sesuai peringkat darjah keberkesanannya), iaitu :

- (1) keberadaan media maklumat dan komunikasi yang berkembang pesat, dengan darjah keberkesanan 0.586, dan
- (2) perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat, dengan darjah keberkesanan 0.414.

Nilai *consistency ratio* seluruh responden adalah 0. Ini bererti nilai *consistency ratio* seluruh responden berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Secara terpisah, 5 (lima) kategori responden menempatkan subfaktor keberadaan media maklumat dan komunikasi yang berkembang pesat pada peringkat pertama, iaitu

kerajaan, parlimen, ahli akademik/pengamat, media masa, dan tokoh masyarakat. Selebihnya 2 (dua) kategori responden menempatkan subfaktor perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat sebagai subfaktor di peringkat pertama, iaitu dunia keusahawanan dan lembaga kewangan, dan tokoh agama.

Namun demikian, secara keseluruhan, darjah keberkesanan yang hampir sama, dengan selisih yang tidak jauh menunjukkan seluruh responden memiliki pemahaman yang hampir sama bahawa kedua subfaktor hampir sama penting. Keduanya adalah persoalan yang harus dipertimbangkan dan diselesaikan secara bersamaan. Keberadaan media maklumat dan komunikasi yang berkembang pesat sangat disokong oleh perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat. Sebaliknya, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat mendapatkan tempatnya seiring dengan keberadaan media maklumat dan komunikasi yang berkembang pesat.

Kerana itu, sekalipun tetap ada prioriti, dalam penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak dicadangkan agar tetap memperhatikan dan mengatasi kedua subfaktor ini secara bersamaan, mengingatkan beza nilai darjah keberkesananannya tidak jauh.

4.4.2. Faktor-Faktor Dalaman Yang Berkesan Dalam Penyusunan Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

Selain dipengaruhi oleh 4 (empat) faktor luaran, penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak di Ibu Kota Jakarta 2008-2012 juga dipengaruhi oleh 3 (tiga) faktor dalaman (sesuai peringkat keberkesanan) seperti dinyatakan pada jadual 4.12, iaitu :

- (1) pengurusan program/aktiviti yang masih belum optimum, dengan darjah keberkesanan 0.375,
- (2) standard pengaturan yang masih belum lengkap/menyeluruh, dengan darjah keberkesanan 0.346, dan
- (3) sokongan dana, sarana prasarana yang masih belum memadai, dengan darjah keberkesanan 0.279.

Jadual 4.12.

Faktor-Faktor Dalam Dengan Darjah Keberkesanan Dan Prioritinya Dalam Penyusunan Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak Di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

No	Faktor-faktor Dalam	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	PENGURUSAN PROGRAM/ AKTIVITI masih belum optimum	0.327	0.731	0.509	0.179	0.232	0.548	0.266	0.375	1
2.	STANDARD PENGATURAN masih belum lengkap/ menyeluruh	0.401	0.188	0.306	0.113	0.219	0.304	0.432	0.346	2
3.	SOKONGAN DANA, SARANA DAN PRASARANA masih belum memadai	0.272	0.081	0.185	0.709	0.549	0.148	0.302	0.279	3
	Total	1.000	1.000	1.000	1.001	1.000	1.000	1.000	1.000	
	<i>Consistency Ratio (CR ≤ 0.10)</i>	0.000	0.060	0.000	0.050	0.000	0.030	0.000	0.000	

Nilai *consistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai namun tetap berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Jika dilihat berdasarkan kategori responden, maka dari ketujuh kategori responden, 3 (tiga) responden iaitu parlimen, ahli akademik/pengamat, dan tokoh masyarakat menempatkan faktor pengurusan program/aktiviti yang masih belum

optimum menjadi faktor dalam pada peringkat pertama dengan darjah keberkesanan tertinggi. Responden kerajaan dan tokoh agama menempatkan faktor standard pengaturannya yang masih belum lengkap/menyeluruh sebagai faktor dalaman yang paling penting. Sementara responden media masa dan dunia keusahawanan dan lembaga kewangan lebih menempatkan sokongan dana, sarana prasarana yang masih belum memadai sebagai faktor dalaman dengan peringkat kepentingan yang pertama.

Pada faktor dalaman, sebagaimana pada faktor luaran, secara keseluruhan pendapat dari seluruh kategori responden hampir seimbang terhadap semua faktor dalaman. Hal ini dapat difahami kerana seperti yang tercermin dalam pendapat responden atas kebersesuaian faktor-faktor dalaman dengan situasi dan keadaan implementasi polisi - program pembangunan insan aspek sosial akhlak semasa, semua faktor dalaman diakui memiliki pengaruh terhadap keadaan masyarakat Jakarta kini. Semua faktor saling mempengaruhi satu dengan yang lain. Hal ini jugalah yang membuat nilai darjah keberkesanan semua faktor dalaman tidak terlalu berbeza jauh.

Realiti ini menunjukkan bahawa semua faktor itu memiliki keberkesanan yang hampir sama sehingga semuanya penting untuk menjadi bahan pertimbangan dalam menyusun polisi pembangunan ini. Sekalipun tetap ada prioriti yang menjadi rujukan pertimbangan. Dari ketiga faktor ini, semua lebih bersifat sebagai pertimbangan negatif yang menjadi tantangan dalaman yang harus dihadapi dalam penyusunan polisi, iaitu (1) pengurusan program/aktiviti yang masih belum optimum, (2) standard pengaturannya yang masih belum lengkap/menyeluruh, dan (3) sokongan dana, sarana prasarana yang masih belum memadai.

Ketiga faktor dalaman ini hendaknya direspon dengan cara menjadikannya sebagai hal yang harus diperbaiki melalui penyusunan polisi, khususnya senario polisi berikut strategi hingga program pelaksanaannya. Jawaban semua responden dalam soal selidik pun relatif sama bahawa semua hal ini memang masih menjadi soalan dalaman

yang dihadapi dalam implementasi polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak di ibu kota Jakarta.

Jadi, sekalipun secara peringkat, darjah keberkesanan faktor pengurusan program/aktiviti yang masih belum optimum berada di peringkat (prioriti) pertama disusul dengan standard pengaturan yang masih belum lengkap/menyeluruh, dan faktor sokongan dana, sarana prasarana yang masih belum memadai, namun dalam penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak, dicadangkan agar tetap memperhatikan keseluruhan faktor secara bersamaan. Bagaimanapun kerana ketiganya tetap memiliki pengaruh atau darjah keberkesanan yang hampir sama terhadap penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak.

Jadual 4.13.
Subfaktor-Subfaktor Dalam Pengurusan Program/Aktiviti
Dengan Darjah Keberkesanan Dan Prioritinya
Dalam Penyusunan Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak
Di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

No	Subfaktor-Subfaktor Dalam Pengurusan Program/Aktiviti	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Kualiti pengurusan program/aktiviti (perancangan, implementasi dan pengawalan) relatif belum optimum	0.230	0.195	0.215	0.559	0.290	0.383	0.303	0.306	3
2.	Implementasi Kaedah <i>Good Governance</i> : Ketersediaan, Transparansi & Kebertanggungjawapan Anggaran masih belum optimum	0.288	0.088	0.569	0.352	0.577	0.173	0.245	0.309	2
3.	Penyelarasan antara badan kerajaan berkaitan belum berjalan optimum	0.482	0.717	0.215	0.089	0.133	0.444	0.453	0.386	1
	Total	1.000	1.000	0.999	1.000	1.000	1.000	1.001	1.001	
	<i>Consistency Ratio</i> (CR ≤ 0.10)	0.000	0.090	0.000	0.050	0.010	0.010	0.000	0.000	

Pada jadual 4.13, faktor pengurusan program/aktiviti masih belum optimum memiliki 3 (tiga) subfaktor sesuai peringkat darjah keberkesanan iaitu :

- (1) Penyelarasan antara badan kerajaan berkaitan belum berjalan optimum, dengan darjah keberkesanan 0.386,
- (2) Implementasi kaedah *Good Governance* : Ketersediaan, Transparansi dan Kebertanggungjawapan Anggaran masih belum optimum, dengan darjah keberkesanan 0.309 serta
- (3) Kualiti pengurusan program/aktiviti (perancangan, implementasi dan pengawalan) relatif belum optimum, dengan darjah keberkesanan 0.306.

Nilai *concistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai namun tetap berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Secara terpisah, 4 (empat) kategori responden menempatkan subfaktor penyelarasan antara badan kerajaan berkaitan belum berjalan optimum pada peringkat pertama, iaitu kerajaan, parlimen, tokoh masyarakat dan tokoh agama. Dua kategori responden menempatkan subfaktor Implementasi kaedah *Good Governance* : Ketersediaan, Transparansi dan Kebertanggungjawapan Anggaran masih belum optimum sebagai subfaktor di peringkat pertama, iaitu ahli akademik/pengamat serta dunia keusahawanan dan lembaga kewangan. Sementara hanya responden media masa yang menempatkan subfaktor kualiti pengurusan program/aktiviti (perancangan, implementasi dan pengawalan) relatif belum optimum pada peringkat pertama.

Namun demikian, secara keseluruhan, darjah keberkesanan yang hampir sama dengan selisih yang sangat tipis menunjukkan seluruh responden memiliki pemahaman yang hampir sama bahawa ketiga subfaktor hampir sangat sama penting. Ketiganya merupakan persoalan klasik yang terus saja berlangsung tanpa perbaikan yang

signifikan. Maka, ketiga subfaktor ini harus dipertimbangkan dan diselesaikan secara bersamaan.

Kerana itu, sekalipun tetap ada prioriti, dalam penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak dicadangkan agar tetap memperhatikan dan mengatasi ketiga subfaktor ini secara bersama, mengingatkan beza nilai darjah keberkesannya sangat tipis.

Jadual 4.14.
Subfaktor-Subfaktor Dalaman Standard Pengaturan
Dengan Darjah Keberkesanan Dan Prioritinya
Dalam Penyusunan Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak
Di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

No	Subfaktor-Subfaktor Dalaman Standard Pengaturan	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Manual/peraturan yang ada masih belum mencukupi	0.348	0.089	0.399	0.559	0.325	0.286	0.509	0.379	1
2.	Penunjuk prestasi masih bersifat kualitatif & belum spesifik/bias	0.322	0.559	0.515	0.352	0.158	0.504	0.269	0.361	2
3.	Mekanisme <i>Reward & Punishment</i> belum optimum	0.330	0.352	0.087	0.089	0.517	0.210	0.222	0.260	3
	Total	1.000	1.000	1.001	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	
	<i>Consistency Ratio</i> (CR ≤ 0.10)	0.020	0.050	0.000	0.050	0.010	0.000	0.000	0.000	

Jadual 4.14 memperlihatkan bahawa pada faktor standard pengaturan masih belum lengkap/menyeluruh terdapat 3 (tiga) subfaktor, secara berurutan sesuai peringkat darjah keberkesanan iaitu :

- (1) manual/peraturan yang ada masih belum mencukupi, dengan darjah keberkesanan 0.379,

- (2) penunjuk prestasi masih bersifat kualitatif dan belum spesifik/bias, dengan darjah keberkesanan 0.361, dan
- (3) mekanisme hadiah dan hukuman (*reward - punishment*) belum optimum, dengan darjah keberkesanan 0.260.

Nilai *concistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai namun tetap berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Berdasarkan pendapat dari setiap kategori responden, diketahui bahawa kategori responden kerajaan, media masa dan tokoh agama memilih subfaktor manual/peraturan yang ada masih belum mencukupi sebagai subfaktor dengan tahap kepentingan tertinggi. Sementara responden parlemen, ahli akademik/pengamat dan tokoh masyarakat menjadikan penunjuk prestasi masih bersifat kualitatif dan belum spesifik/bias sebagai subfaktor pada peringkat kepentingan pertama. Hanya responden dunia keusahawanan dan lembaga kewangan yang menempatkan mekanisme hadiah dan hukuman (*reward and punishment*) belum optimum sebagai subfaktor dengan peringkat darjah keberkesanan yang pertama.

Subfaktor manual/peraturan yang ada masih belum mencukupi tampak sejalan dengan keadaan peraturan perundangan yang menempatkan pembangunan insan pada aspek sosial akhlak sebagai urusan bukan wajib bagi ibu kota Jakarta. Kerana bukan urusan wajib pula, maka peraturan perundangan di ibu kota Jakarta lebih banyak memiliki penunjuk prestasi yang masih bersifat kualitatif dan belum spesifik/bias. Dampaknya, mekanisme hadiah dan hukuman (*reward and punishment*) belum optimum dilakukan atas setiap bentuk pelaksanaan dan pelanggaran aturan.

Kerananya secara keseluruhan dapat difahami jika subfaktor manual/peraturan yang ada masih belum mencukupi dan subfaktor penunjuk prestasi yang masih bersifat kualitatif dan belum spesifik/bias mendapat prioriti awal untuk dipertimbangkan dalam

penyusunan polisi pembangunan insan pada aspek sosial akhlak daripada subfaktor mekanisme hadiah dan hukuman (*reward - punishment*) belum optimum.

Namun, sekalipun tetap ada prioriti, dalam penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak dicadangkan agar tetap memperhatikan dan mengatasi ketiga subfaktor ini secara bersamaan, mengingatkan beza nilai darjah keberkesannya sangat tipis.

Jadual 4.15.
Subfaktor-Subfaktor Dalaman Sokongan Dana, Sarana Prasarana Dengan Darjah Keberkesanan Dan Prioritinya Dalam Penyusunan Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak Di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

No	Subfaktor-Subfaktor Dalaman Sokongan Dana, Sarana Prasarana	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Penyediaan kemudahan sosial dan umum untuk aktiviti sosial akhlak masih belum mencukupi	0.507	0.125	0.634	0.875	0.564	0.766	0.411	0.551	1
2.	Penyediaan dana untuk implementasi polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak yang masih belum mencukupi	0.493	0.875	0.366	0.125	0.436	0.234	0.589	0.449	2
Total		1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	
<i>Consistency Ratio</i> (CR ≤ 0.10)		0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	

Pada faktor sokongan dana, sarana dan prasarana yang masih belum memadai, sebagaimana dinyatakan dalam jadual 4.15, terdapat 2 (dua) subfaktor yang harus dipertimbangkan, secara berurutan iaitu :

- (1) penyediaan kemudahan sosial dan umum untuk aktiviti sosial akhlak masih belum mencukupi, dengan darjah keberkesanan 0.551 dan

(2) penyediaan dana untuk implementasi polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak yang masih belum mencukupi, dengan darjah keberkesanan 0.449).

Nilai *concistency ratio* seluruh responden adalah 0 (nol) yang bererti nilai *concistency ratio* seluruh responden berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Lima kategori responden iaitu kerajaan, ahli akademik/pengamat, media masa, dunia keusahawanan dan lembaga kewangan serta tokoh masyarakat menempatkan subfaktor penyediaan kemudahan sosial dan umum untuk aktiviti sosial akhlak masih belum mencukupi pada peringkat pertama. Sementara, responden parlimen dan tokoh agama menempatkan subfaktor penyediaan dana untuk implementasi polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak yang masih belum mencukupi sebagai subfaktor di peringkat pertama.

Secara keseluruhan, darjah keberkesanan yang hampir sama, dengan selisih yang tidak jauh menunjukkan seluruh responden memiliki pemahaman yang hampir sama bahawa kedua subfaktor hampir sama penting. Kerana itu, sekalipun tetap ada prioriti, dalam penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak dicadangkan agar tetap memperhatikan dan mengatasi kedua subfaktor ini secara bersamaan, mengingatkan beza nilai darjah keberkesanannya tidak jauh.

4.5. Institusi-Institusi Yang Terlibat Dalam Penyusunan Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak

Objektif kajian yang keempat adalah mengenal pasti institusi-institusi yang terlibat dalam penyusunan polisi pembangunan insan pada aspek sosial akhlak. Institusi dalam struktur hirarki disebutkan dengan istilah aktor (*stakeholders*). *Stakeholders* di

sini adalah institusi (individu atau badan) baik dari kerajaan mahupun bukan kerajaan yang memiliki kepentingan dalam pembangunan insan pada aspek sosial akhlak, termasuk dalam penyusunannya. Aktor (*stakeholders*) selengkapnya terdiri atas kerajaan dan parlimen serta masyarakat. Aktor kerajaan dan parlimen terdiri atas kategori subaktor parlimen, gabenor berserta kaki tangannya, dan penegak hukum. Sementara aktor masyarakat terdiri atas organisasi masyarakat/LSM/NGO/gerakan dakwah; ulama/tokoh budaya/tokoh masyarakat; ahli akademik/pakar/pengamat; dunia keusahawanan/profesi/lembaga kewangan (bank/non bank); media masa (cetak/elektronik) dan masyarakat umum. Institusi-institusi inilah yang dikaji dalam kajian ini. Hasil kajian selengkapnya seperti berikut.

Jadual 4.16
Aktor (*Stakeholders*) Dengan Darjah Keberkesanan dan Prioritinya Dalam Penyusunan Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak Di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

No	Aktor (<i>Stakeholders</i>)	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Parlimen dan Kerajaan	0.580	0.750	0.750	0.833	0.276	0.409	0.521	0.554	1
2.	Masyarakat	0.420	0.250	0.250	0.167	0.726	0.591	0.479	0.446	2
	Total	1.000	1.000	1.000	1.000	1.002	1.000	1.000	1.000	
	<i>Consistency Ratio</i> (CR ≤ 0.10)	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	

Pada aktor (*stakeholders*), seperti tampak pada jadual 4.16, terdapat 2 (dua) aktor yang harus dipertimbangkan kerana semestinya berperanan dalam penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak kerana memiliki kepentingan yang khas, iaitu secara berurutan :

(1) parlimen dan kerajaan, dengan darjah keberkesanan 0.554 dan

(2) masyarakat, dengan darjah keberkesanan 0.446.

Nilai *consistency ratio* seluruh responden adalah 0 (nol) yang bererti nilai *consistency ratio* seluruh responden berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Lima kategori responden iaitu kerajaan, parlimen, ahli akademik/pengamat, media masa dan tokoh agama menjadikan aktor kerajaan dan parlimen sebagai peringkat pertama. Sementara, 2 (dua) responden lainnya, iaitu dunia keusahawanan dan lembaga kewangan serta tokoh masyarakat menjadikan masyarakat sebagai aktor di peringkat pertama.

Pilihan ini menjadikan aktor parlimen dan kerajaan mendapat darjah keberkesanan 0.554 serta masyarakat dengan darjah keberkesanan 0.446. Hasil secara keseluruhan menunjukkan darjah keberkesanan yang hampir sama. Dengan selisih yang tidak jauh menunjukkan seluruh responden memiliki pemahaman yang hampir sama bahawa kedua aktor hampir sama penting. Kerana itu, sekalipun tetap ada prioriti, dalam penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak dicadangkan agar tetap memperhatikan kedua aktor ini secara bersamaan, mengingatkan beza nilai darjah keberkesananannya tidak jauh.

Selanjutnya, jadual 4.17 memperlihatkan urutan subaktor parlimen dan kerajaan berdasarkan darjah keberkesanan yang terdiri atas :

- (1) Gabenor beserta kaki tangannya (Biro Adm.Kesmas, Dinas Bintal Kesos, BAPPEDA, Bawasda, dan lain lain), dengan darjah keberkesanan 0.503;
- (2) Penegak hukum (kejaksaan, polis, pengadilan), dengan darjah keberkesanan 0.305
serta
- (3) Parlimen, dengan darjah keberkesanan 0.172.

Jadual 4.17.
Subaktor (*Stakeholders*) Parlimen Dan Kerajaan Dengan
Darjah Keberkesanan Dan Prioritinya
Dalam Penyusunan Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak
Di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

No	Subaktor Kerajaan & Parlimen	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Parlimen	0.160	0.065	0.181	0.179	0.104	0.211	0.208	0.172	3
2.	Gabenor beserta Kaki Tangannya (Biro AdmKesmas, Dinas Bintal Kesos, BAPPEDA, Bawasda, dll)	0.582	0.574	0.543	0.709	0.355	0.292	0.501	0.503	1
3.	Penegak Hukum (Kejaksaan, kepolian, Pengadilan)	0.257	0.361	0.276	0.113	0.541	0.498	0.291	0.325	2
	Total	0.999	1.000	1.000	1.001	1.000	1.001	1.000	1.000	
	<i>Consistency Ratio</i> (CR ≤ 0.10)	0.010	0.050	0.020	0.050	0.020	0.000	0.010	0.000	

Nilai *consistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai, namun masih berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Pada penilaian per kategori responden, subaktor gabenor beserta kaki tangannya (Biro Adm.Kesmas, Dinas Bintal Kesos, BAPPEDA, Bawasda, dan lain lain) ditempatkan pada peringkat pertama oleh lima kategori responden iaitu kerajaan, parlimen, ahli akademik/pengamat, media masa dan tokoh agama. Penegak hukum (kejaksaan, polis, pengadilan) ditempatkan pada peringkat pertama oleh responden dunia keusahawanan/lembaga kewangan dan tokoh masyarakat. Sementara parlimen tidak ada kategori responden yang menempatkannya pada posisi peringkat pertama.

Pilihan keseluruhan dari seluruh responden ini menghantarkan subaktor gabenor beserta kaki tangannya sebagai institusi yang paling penting dalam penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak. Hal ini juga ditunjukkan selisih yang

cukup signifikan dibandingkan dengan dua subaktor lainnya. Prioriti berikutnya adalah penegak hukum (kejaksaan, polis, pengadilan) dan baru kemudian parlimen.

Susunan ini memang menggambarkan situasi dan keadaan ibu kota Jakarta saat ini bahawa penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak, baik secara inisiatif gagasan mahupun implementasinya, memang dimulai oleh gabenor beserta kaki tangannya. Sesuai nama, tugas pokok dan peranannya, penegak hukum berfungsi pada upaya penerapan hukum atas pelaksanaan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak. Parlimen berada di prioriti institusi yang ketiga sejalan dengan tugas pokok dan fungsinya iaitu lebih banyak pada fungsi penilaian dan pemantauan, sekalipun ikut terlibat pada saat penetapan polisi pembangunan.

Jadual 4.18.
Subaktor (*Stakeholders*) Masyarakat Dengan
Darjah Keberkesanan Dan Prioritinya
Dalam Penyusunan Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak
Di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

No	Subaktor Masyarakat	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Organisasi Masyarakat/ NGO/Gerakan Dakwah	0.213	0.022	0.258	0.229	0.075	0.110	0.198	0.169	3
2.	Ulama/Tokoh budaya/Tokoh Masyarakat	0.252	0.080	0.386	0.482	0.348	0.221	0.186	0.267	1
3.	Ahli akademik/Pakar/Pengamat	0.120	0.061	0.174	0.054	0.090	0.101	0.106	0.115	5
4.	Dunia keusahawanan/ Profesi/Lembaga Kewangan (Bank/non bank)	0.109	0.048	0.044	0.078	0.177	0.182	0.079	0.108	6
5.	Media Masa (cetak/elektronik)	0.162	0.458	0.106	0.128	0.112	0.255	0.257	0.202	2
6.	Masyarakat Umum	0.144	0.330	0.033	0.030	0.199	0.132	0.174	0.139	4
	Total	1.000	0.999	1.001	1.001	1.001	1.001	1.000	1.000	
	<i>Consistency Ratio</i> (CR ≤ 0.10)	0.030	0.100	0.040	0.100	0.030	0.020	0.020	0.000	

Seperti ditampilkan dalam jadual 4.18 keenam institusi dalam aktor masyarakat memiliki darjah keberkesanan sesuai peringkat sebagai berikut :

- (1) ulama/tokoh budaya/tokoh masyarakat, dengan darjah keberkesanan 0.267,
- (2) media masa (cetak/elektronik), dengan darjah keberkesanan 0.202,
- (3) organisasi masyarakat/LSM/NGO/gerakan dakwah, dengan darjah keberkesanan 0.169,
- (4) masyarakat umum, dengan darjah keberkesanan 0.139,
- (5) ahli akademik/pakar/pengamat, dengan darjah keberkesanan 0.115, dan
- (6) dunia keusahawanan/profesi/lembaga kewangan (bank/non bank), dengan darjah keberkesanan 0.108.

Nilai *consistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai, namun masih berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Subaktor ulama/tokoh budaya/tokoh masyarakat mendapat peringkat darjah keberkesanan pertama daripada kategori responden kerajaan, ahli akademik/pengamat, media masa, dan dunia keusahawanan/lembaga kewangan. Sementara, subaktor media masa (cetak/elektronik) mendapat peringkat darjah keberkesanan pertama daripada kategori responden parlimen, tokoh masyarakat, dan tokoh agama. Subaktor-subaktor lainnya mendapat peringkat kedua hingga keenam secara berbagai-bagai oleh para responden.

Realiti ini menggambarkan bahawa secara umum seluruh responden lebih melihat subaktor ulama/tokoh budaya/tokoh masyarakat sebagai institusi di masyarakat yang paling penting dalam penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak. Hal ini dapat difahami kerana subaktor ini menyanggah posisi sebagai pemimpin informal dalam kehidupan masyarakat sehari-hari. Merekalah teladan yang paling dekat dengan kehidupan masyarakat keseharian.

Media masa yang mendapat darjah keberkesanan yang hampir seimbang dengan subaktor ulama/tokoh budaya/tokoh masyarakat menggambarkan peran yang cukup strategik. Media masa penting dalam menjadi media pembelajaran, khususnya sebagai media maklumat dan komunikasi polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak.

Di luar kedua subaktor tersebut, subaktor-subaktor organisasi masyarakat/LSM/NGO/gerakan dakwah, masyarakat umum, ahli akademik/pakar/pengamat, dan dunia keusahawanan/profesi/lembaga kewangan (bank/non bank) mendapat darjah keberkesanan yang hampir sama. Ini juga menunjukkan pemahaman responden bahawa subaktor-subaktor tersebut memiliki tahap kepentingan yang sama sehingga harus mendapat perhatian yang sama dalam proses penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak.

4.6. Prioriti Senario Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak Di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

Mencadangkan prioriti senario polisi (*policy scenario*) pembangunan insan pada aspek sosial akhlak berikut program/kegiatannya pada kerajaan merupakan objektif akhir yang ingin dicapai dalam kajian ini. Alternatif senario polisi yang dikaji adalah (1) peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam, (2) peningkatan kualiti pengurusan program/aktiviti, (3) penyediaan sarana dan prasarana secara memadai, dan (4) penetapan dan penyempurnaan tata peraturan daerah. Hasil kajian disajikan dalam subbab 4.6.1 dan jadual 4.19 berikut. Selanjutnya pada setiap alternatif senario juga akan dikaji matlamat senario, strategi hingga program/aktivitinya. Hasil kajian pada setiap alternatif senario dijelaskan dalam subbab 4.6.2 dan 4 (empat) jadual berikutnya, iaitu jadual 4.22, 4.23, 4.24, dan 4.25.

4.6.1. Prioriti Senario Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak Di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

Berdasarkan pertimbangan faktor-faktor, subfaktor-subfaktor dan aktor-aktor dalam struktur hirarki AHP sebelumnya, maka semua responden secara keseluruhan mencadangkan senario polisi (sesuai peringkat darjah keberkesanan) seperti berikut (jadual 4.19) :

- (1) peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam, dengan darjah keberkesanan 0.413,
- (2) peningkatan kualiti pengurusan program/aktiviti, dengan darjah keberkesanan 0.225,
- (3) penyediaan sarana dan prasarana mengikut keperluan, dengan darjah keberkesanan 0.200, dan
- (4) penetapan dan penyempurnaan tata peraturan daerah, dengan darjah keberkesanan 0.163.

Nilai *consistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai, namun masih berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Senario peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam dipilih oleh kategori responden kerajaan, ahli akademik/pengamat, media masa, tokoh masyarakat, dan tokoh agama sebagai senario dengan peringkat kepentingan pertama. Senario peningkatan kualiti pengurusan program/aktiviti dipilih oleh kategori responden dunia keusahawanan/lembaga kewangan. Kategori responden parlimen memilih penyediaan sarana dan prasarana mengikut keperluan, sebagai senario peringkat pertama.

Jadual 4.19.
Alternatif Senario Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak
Di Ibu Kota Jakarta 2008-2012

No	Alternatif Senario	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	PENINGKATAN KUALITI PEMAHAMAN, PENGHAYATAN & PENGAMALAN AGAMA ISLAM	0.516	0.052	0.604	0.640	0.121	0.365	0.412	0.413	1
2.	PENETAPAN & PENYEMPURNAAN TATA PERATURAN DAERAH	0.089	0.052	0.164	0.110	0.173	0.174	0.305	0.163	4
3.	PENINGKATAN KUALITI PENGURUSAN PROGRAM/ AKTIVITI	0.215	0.192	0.143	0.194	0.413	0.227	0.136	0.225	2
4.	PENYEDIAAN DANA, SARANA & PRASARANA MENGIKUT KEPERLUAN	0.180	0.704	0.088	0.056	0.294	0.235	0.148	0.200	3
Total		1.000	1.000	0.999	1.000	1.001	1.001	1.001	1.001	
<i>Consistency Ratio (CR ≤ 0.10)</i>		0.000	0.090	0.010	0.090	0.020	0.000	0.050	0.000	

Senario peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam sebagai pilihan prioriti pertama yang dicadangkan secara keseluruhan oleh seluruh responden menunjukkan realiti yang sesungguhnya. Pilihan ini adalah jawapan atas situasi dan keadaan masyarakat Ibu Kota Jakarta semasa di mana agama atau sosial akhlak tidak dijadikan sebagai urusan wajib kerajaan sehingga pembangunan insan tidak disandarkan pada agama secara utuh. Situasi dan keadaan yang sudah berlangsung sejak lama ini mengakibatkan kerajaan dan masyarakat ibu kota Jakarta tidak memahami, menghayati dan mengamalkan agama Islam dengan penuh komitmen dan secara konsisten seutuhnya.

Senario peningkatan kualiti pengurusan program/aktiviti berada di peringkat prioriti kedua yang dicadangkan juga menjawab persoalan klasik yang sering terjadi di kerajaan dan juga di masyarakat iaitu kualiti pengurusan program/aktiviti yang masih belum optimum.

Sementara senario penyediaan sarana dan prasarana mengikut keperluan menjadi prioriti ketiga yang dicadangkan juga bersesuaian mengingat sudah seharusnya Ibu Kota Jakarta memiliki sarana dan prasarana secara memadai dan lebih baik dari sisi kualiti dan kuantiti dari pada daerah lain.

Senario penetapan dan penyempurnaan tata peraturan daerah menjadi prioriti akhir juga bersesuaian dengan situasi dan keadaan masyarakat Jakarta. Situasi dan keadaan di mana kerajaan dan masyarakat ibu kota Jakarta tidak memahami, menghayati dan mengamalkan agama Islam dengan penuh komitmen dan secara konsisten seutuhnya menyumbang pada belum atau tidak munculnya keperluan kerajaan dan masyarakat akan penetapan dan penyempurnaan tata peraturan daerah. Dengan kata lain, prioriti utama untuk Ibu Kota Jakarta 2008-2012 adalah peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam.

Keempat senario polisi pembangunan insan aspek sosial-akhlak tersebut di atas memenuhi kriteria mampu menjawab keperluan semasa, menjawab cabaran masa depan dan memberikan prioriti-prioriti. Hal ini kerana polisi pembangunan insan menyentuh semua sendi kehidupan. Kesepaduan ini harus tercermin pada keadaan semasa dan juga pada senario polisi itu sendiri. Hal ini juga kerana senario polisi ini disusun dengan berasas pada keadaan semasa secara apa adanya, baik menyangkut polisi mahupun hingga aspek teknik penyelenggaraan program/aktivitinya, serta memberikan gambaran keadaan masa depan masyarakat Jakarta yang diharapkan. Kesepaduan aspek dalam

polisi tersebut berserta prioritinya diwakili oleh unsur senario polisi, strategi hingga program aksinya.

Kesesuaian cadangan polisi (berikut strategi dan program aksinya) pembangunan insan aspek sosial akhlak (keagamaan) 2008-2012 ini dengan situasi dan keadaan masyarakat Jakarta yang diinginkan terwujud di tahun 2012 dinyatakan pula oleh seluruh responden pakar, seperti tampak pada jadual 4.20 dan 4.21. Gambaran keadaan masa depan masyarakat Jakarta yang diharapkan wujud di tahun 2012 tercermin dalam pernyataan Matlamat (*Goal*) “*Mewujudkan kehidupan Masyarakat Jakarta yang Berakhlak, Bermoral dan Penuh dengan Nilai-Nilai agama, Berbudaya, Berdisiplin dan Produktif*”.

Selain kesesuaian, beberapa responden pakar memberikan arahan, seperti :

- untuk menyesuaikan dengan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak di aras yang lebih tinggi iaitu polisi negara,
- pentingnya sosialisasi/komunikasi kepada masyarakat,
- teladan kepemimpinan yang baik dari kaki tangan kerajaan serta tokoh agama dan tokoh masyarakat,
- senario polisi peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam harus dijadikan lokomotif yang mengubah paradigma masyarakat dan kerajaan agar benar-benar menjalankan pembangunan sesuai dengan Islam.

Jadual 4.20

**Pernyataan Responden Pakar Wakil Dari Unsur Parlimen Dan Kerajaan
Ibu Kota Jakarta Tentang Kesesuaian Cadangan Polisi Pembangunan Insan
Aspek Sosial Akhlak 2008-2012 (Berikut Strategi Dan Program Aksinya)
Terhadap Situasi Dan Keadaan Masyarakat Jakarta Yang Diinginkan Wujud
Di Tahun 2012**

Kategori Responden	No	Asal Responden	Pernyataan
Wakil Dari Unsur Kerajaan	1	Badan Perencanaan Pembangunan Daerah (BAPPEDA)	<i>"Kerana urusan agama masih merupakan urusan pemerintah pusat, maka pengembangan polisi pembangunan sosial akhlak (keagamaan) di Provinsi Ibu Kota Jakarta tidak akan terlepas dari polisi pusat"</i>
	2	Biro Adm. Kesmas	<i>"Sosialisasi aturan-aturan kepada masyarakat, penegakan hukum harus bijaksana, dan adanya contoh yang baik dari pimpinan."</i>
	3	Dinas Bintel dan Kesos	<i>"Yang harus diperhatikan terlebih dahulu adalah penetapan dan penyempurnaan tata peraturan daerah kemudian peningkatan kualiti program/kegiatan. Sedangkan yang lainnya akan berjalan secara otomatis."</i>
	4	Badan Pemberdayaan Masyarakat (BPM)	<i>"Setuju dan action plan-nya yang riil."</i>
	5	Biro Organisasi dan TataLaksana	<i>„Peningkatan pemahaman, penghayatan dan pengamalan Agama Islam menjadi kunci dasar agar dapat mewujudkan kehidupan maju, Jakarta yang Islami. Semua dapat terwujud apabila tersedia peraturan-peraturan yang jelas dan benar-benar dilaksanakan atau dijalankan, baik pemerintah/non pemerintah maupun semua masyarakat khususnya di Jakarta sebagai barometer ibukota negara. Juga didukung oleh manajemen yang baik serta ditunjang oleh sarana dan prasarannya.“</i>
	6	Badan Pengawasan Daerah (Bawasda)	<i>"Pengamalan agama masyarakat Jakarta sangat kurang sosialisasinya, kerana dalam program atau kegiatan sangat terbatas dalam penyediaan sarana dan prasarana, sehingga sulit untuk tercipta masyarakat yang berakhlak, bermoral dan sarat dengan nilai keagamaan."</i>
Wakil Dari Unsur Parlimen (DPRD) Ibu Kota Jakarta	7	Komisi E DPRD	<i>"Untuk polisi ini merupakan faktor penting yang harus dijalankan secara serius dan didukung oleh semua pihak yang terkait. Program-program yang telah disusun harus memiliki manajemen yang baik dan sarana yang mendukung dan dijalankan oleh orang-orang yang berkualiti pula serta memahami tujuan. Dibutuhkan kerjasama yang baik dengan organisasi dimasyarakat umum agar semua lini masyarakat dapat bergerak secara sinergis."</i>

Sumber : Berdasarkan jawaban atas soal terbuka berstruktur dalam soal selidik dari seluruh responden pada yang dikumpulkan pada periode 1- 20 Mei 2008.

Jadual 4.21.

Pernyataan Responden Pakar Wakil Dari Unsur Masyarakat Ibu Kota Jakarta Tentang Kebersesuaian Cadangan Polisi Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak 2008-2012 (Berikut Strategi Dan Program Aksinya) Terhadap Situasi Dan Keadaan Masyarakat Jakarta Yang Diinginkan Wujud Di Tahun 2012

Kategori Responden	No	Asal Responden	Pernyataan
Wakil Dari Unsur Tokoh Agama/ Pimpinan Badan Keislaman	1	Forum Umat Islam (FUI)	<i>"Pembangunan keagamaan DKI akan terwujud sebagaimana rumusan di atas jika tata peraturan daerah diganti dengan peraturan-peraturan yang sesuai dengan syariah Islam yang dijalankan oleh pemerintah yang amanah dengan dukungan dana, sarana dan prasarana yang baik. Ini harus disosialisasikan terus menerus kepada masyarakat."</i>
	2	Muslimah Peduli Umat (MPU)	<i>"Polisi (1): sangat penting untuk mengubah dan membentuk perilaku masyarakat. Polisi (2): membentuk kondisi dan sistem untuk mewujudkan tujuan. Polisi (3): menunjang untuk perubahan perilaku. Polisi (4): menunjang untuk perubahan perilaku."</i>
	3	Dewan Masjid Indonesia (DMI)	<i>"Peningkatan pemahaman, penghayatan dan pengamalan Agama Islam menjadi kunci dasar agar dapat mewujudkan kehidupan maju, Jakarta yang islami."</i>
	4	BAZIS DKI	<i>"Secara hirarkis dalam perumusan polisi pembangunan sosial akhlak dapat direkomendasikan secara prioritas : alternatif polisi no. 1 lalu no.3, no.2, dan no.4."</i>
Wakil Dari Unsur Tokoh Masyarakat/ Badan non Kerajaan	5	TP PKK DKI Jakarta	<i>"Memang ini adalah cita-cita kita semua dan kesadaran itu perlu disosialisasikan terus melalui dakwah dan syiar Islam yang terus menerus dan semacam pelatihan yang memberi motivasi kuat untuk taqwa pada Allah. InsyaAllah saya yakin bisa dilaksanakan."</i>
	6	An Nashr Institute	<i>"Cukup memadai. Masyarakat harus ditingkatkan kualitasnya. Empat hal ini bisa diterapkan untuk mewujudkan kondisi yang diinginkan. Yang penting juga adalah aspek perubahan paradigma memaknai kehidupan sesuai agama kita yang sesungguhnya, Islam yang kaffah."</i>
	7	Al Hidayah	<i>"Pola pikir dan pola sikap yang islami aparat/stakeholder masih sangat memprihatinkan sehingga walaupun keempat polisi tersebut direkomendasikan, tapi hal tersebut di atas tidak diprioritaskan, sulit mengimplementasikan tata peraturan dll untuk mewujudkan masyarakat yang berakhlak dan bermoral tentu harus dimulai dari para pengambil keputusan "ibda' binafsik"."</i>
Wakil Dari Unsur Dunia keusahawan/ Lembaga Kewangan	8	Bakrie Group	<i>"Bersesuaian."</i>
	9	Bank DKI	<i>"Yang terpenting adalah peningkatan kualitas pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama (Islam). Penyediaan sarana dan prasarana yang memadai belum menjamin kualitas pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama (Islam) meningkat. Apalagi penetapan dan penyempurnaan tata perda dan kualitas manajemen program/kegiatan masih relatif belum optimum. Yang dibutuhkan untuk terwujudnya kehidupan masyarakat Jakarta yang berakhlak, bermoral...dst. adalah role model (tolok panutan) sehingga masyarakat dapat mengikuti sikap dan perilaku tolok panutan yang agamis (Islami)."</i>
Wakil Dari Unsur Media Massa	10	Tabloid Suara Islam	<i>"Cukup Bersesuaian. Perlu ditambahkan tata hubungan yang baik antara aparat dan masyarakat."</i>
Wakil Dari Unsur	11	Ahli Akademik/	<i>"Satu sisi dari hasil pembangunan akan menunjukkan keberhasilan pembangunan sosial akhlak secara parsial."</i>

Ahli akademik/ Pengamat Pembangunan Aspek Kesejahteraan Sosial Mental Spirituil		Pengamat Perorangan	<i>Implementasi polisi akan berhadapan dengan ketimpangan relasi power pemerintah provinsi dengan pemerintah pusat yang cenderung dalam tekanan untuk membuka diri terhadap liberalisasi dan imperialisme global. Hal ini menjadi penting kerana Ibu Kota Jakarta adalah provinsi dimana pemerintah pusat berkedudukan untuk mengatur polisi nasional. Relasi power harus menjadi perhatian, kerana cita-cita 2012 akan menjadi utopia apabila terjadi kontradiksi dengan sektor pembangunan ekonomi-sosial budaya dan pembangunan politik yang ketiga-tiganya belum memperhatikan prespektif agama (dalam strategi pembangunan dan program-programnya)."</i>
	12	Ahli akademik/ Pengamat SEM Institute	<i>"Perlu di prioritikan poin satu sebagai lokomotif polisi pembangunan sosial ahlak. Masyarakat yang paham dan sadar lebih mudah untuk menerima dan melaksanakan peraturan dan program. Point 2 lebih merujuk pada implementasi peraturan sebagai acuan untuk memantapkan kualiti SDM. "</i>

Sumber : Berdasarkan jawaban atas soal terbuka berstruktur dalam soal selidik dari seluruh responden pada yang dikumpulkan pada periode 1- 20 Mei 2008.

4.6.2. Prioriti Strategi dan Program/Aktiviti Dalam Senario Polisi Peningkatan

Kualiti Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan Agama Islam

Jadual 4.22.

Alternatif Strategi Dalam Senario Polisi Peningkatan Kualiti Pemahaman, Penghayatan Dan Pengamalan Agama Islam

No	Alternatif Strategi	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori Key Stakeholders							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Mengoptimumkan Peranan Badan Kerajaan berkaitan	0.360	0.055	0.133	0.089	0.090	0.338	0.356	0.253	3
2.	Mengoptimumkan Peranan Badan Keagamaan	0.377	0.290	0.181	0.559	0.507	0.374	0.422	0.703	1
3.	Mengoptimumkan Peranan Tokoh Masyarakat/Tokoh Agama	0.262	0.655	0.685	0.352	0.403	0.287	0.222	0.344	2
	Total	0.999	1.000	0.999	1.000	1.000	0.999	1.000	1.300	
	<i>Consistency Ratio (CR ≤ 0.10)</i>	0.010	0.080	0.000	0.050	0.010	0.010	0.010	0.010	

Seperti dinyatakan pada jadual 4.22, senario polisi peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam ini memiliki prioriti alternatif strategi berikut :

- (1) mengoptimumkan peranan badan keagamaan, dengan darjah keberkesanan 0.703,
- (2) mengoptimumkan peranan tokoh masyarakat/tokoh agama, dengan darjah keberkesanan 0.344, dan
- (3) mengoptimumkan peranan badan kerajaan berkaitan, dengan darjah keberkesanan 0.253.

Nilai *concistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai, namun masih berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Dengan hasil ini, maka dicadangkan oleh seluruh responden agar polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak pada senario polisi peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam memprioritikan strategi mengoptimumkan peranan badan keagamaan sebagai pilihan pertama, lalu mengoptimumkan peranan tokoh masyarakat/tokoh agama sebagai prioriti kedua, dan mengoptimumkan peranan badan kerajaan berkaitan sebagai prioriti yang ketiga.

Strategi alternatif mengoptimumkan peranan badan kerajaan berkaitan - jadual 4.23 - memiliki 2 (dua) prioriti program aksi alternatif, iaitu :

- (1) meningkatkan kuantiti dan kualiti fungsi pembelajaran (maklumat, komunikasi, pembujukan, media dan pembelaan) terhadap masyarakat tentang agama Islam, dengan darjah keberkesanan 0.714 dan
- (2) meningkatkan kualiti khidmat awam keagamaan badan kerajaan berkaitan, dengan darjah keberkesanan 0.286.

Jadual 4.23.
Alternatif Program/Aktiviti Dalam
Strategi Mengoptimumkan Peranan Badan Kerajaan Berkaitan

No	Alternatif Program/ Aktiviti	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Meningkatkan Kualiti Khidmat Awam Keagamaan Badan Kerajaan Berkaitan	0.258	0.100	0.130	0.167	0.500	0.288	0.453	0.286	2
2.	Meningkatkan Kuantiti & Kualiti Fungsi Pembelajaran (Maklumat, Komunikasi, Pembujukan, Media dan Pembelaan) Terhadap Masyarakat Tentang Agama (Islam)	0.742	0.900	0.870	0.833	0.500	0.712	0.547	0.714	1
Total		1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	
<i>Consistency Ratio</i> (CR ≤ 0.10)		0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	

Nilai *consistency ratio* seluruh responden adalah 0 (nol) yang bererti berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Dengan hasil ini, maka dicadangkan oleh seluruh responden agar polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak pada strategi mengoptimumkan peranan badan kerajaan berkaitan ini memprioritikan program/aktiviti meningkatkan kuantiti dan kualiti fungsi pembelajaran (maklumat, komunikasi, pembujukan, media dan pembelaan) terhadap masyarakat tentang agama Islam sebagai prioriti pertama dan meningkatkan kualiti khidmat awam keagamaan badan kerajaan berkaitan sebagai prioriti yang kedua.

Jadual 4.24.
Alternatif Program/Aktiviti Dalam
Strategi Mengoptimumkan Peranan Badan Keagamaan
(Organisasi Keislaman/Organisasi Kemasyarakatan Islam/NGO)

No	Alternatif Program/ Aktiviti	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia Usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Meningkatkan Kualiti Organisasi Badan-badan Keagamaan (kerajaan, semi kerajaan & bukan kerajaan)	0.151	0.070	0.280	0.619	0.281	0.132	0.292	0.221	3
2.	Menerapkan Standard Pengurusan Badan-Badan Keagamaan	0.317	0.044	0.180	0.220	0.096	0.222	0.207	0.222	2
3.	Meningkatkan Kualiti Sarana & Prasarana Badan-badan Keagamaan	0.151	0.645	0.077	0.052	0.343	0.274	0.125	0.183	4
4.	Meningkatkan Kualiti & Kuantiti Fungsi Pembelajaran (Maklumat, Komunikasi, Pembujukan, Media dan Pembelaan) Badan-badan Keagamaan Terhadap Masyarakat	0.380	0.242	0.463	0.109	0.280	0.373	0.376	0.375	1
	Total	0.999	1.001	1.000	1.000	1.000	1.001	1.000	1.001	
	<i>Consistency Ratio (CR ≤ 0.10)</i>	0.010	0.090	0.050	0.090	0.020	0.020	0.000	0.000	

Strategi alternatif mengoptimumkan peranan badan keagamaan – jadual 4.24 - memiliki 4 (empat) prioriti program aksi alternatif, iaitu :

- (1) meningkatkan kualiti dan kuantiti fungsi pembelajaran (maklumat, komunikasi, pembujukan, media dan pembelaan) badan-badan keagamaan terhadap masyarakat, dengan darjah keberkesanan 0.375,
- (2) menerapkan standard pengurusan badan-badan keagamaan, dengan darjah keberkesanan 0.222,

- (3) meningkatkan kualiti organisasi badan-badan keagamaan (kerajaan, semi kerajaan dan bukan kerajaan), dengan darjah keberkesanan 0.221, dan
- (4) meningkatkan kualiti sarana dan prasarana badan-badan keagamaan, dengan darjah keberkesanan 0.183.

Nilai *concistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai, namun tetap berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Dengan hasil ini, maka dicadangkan oleh seluruh responden agar polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak pada strategi mengoptimumkan peranan badan keagamaan memprioritikan program/aktiviti meningkatkan kualiti dan kuantiti fungsi pembelajaran (maklumat, komunikasi, pembujukan, media dan pembelaan) badan-badan keagamaan terhadap masyarakat sebagai prioriti pertama, menerapkan standard pengurusan badan-badan keagamaan sebagai prioriti kedua, meningkatkan kualiti organisasi badan-badan keagamaan (kerajaan, semi kerajaan dan bukan kerajaan) sebagai prioriti ketiga dan meningkatkan kualiti sarana dan prasarana badan-badan keagamaan sebagai prioriti yang keempat.

Strategi alternatif mengoptimumkan peranan tokoh masyarakat/tokoh agama – jadual 4.25 - memiliki 2 (dua) prioriti program aksi alternatif :

- (1) meningkatkan kualiti pola pemikiran dan pola sikap supaya lebih Islamik, dengan darjah keberkesanan 0.648,
- (2) meningkatkan kualiti dan kuantiti fungsi pembelajaran (maklumat, komunikasi, pembujukan, media dan pembelaan) tokoh masyarakat/tokoh agama terhadap masyarakat, dengan darjah keberkesanan 0.352.

Nilai *concistency ratio* seluruh responden adalah 0 (nol) yang bererti berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Jadual 4.25.
Alternatif Program/Aktiviti Dalam
Strategi Mengoptimumkan Peranan Tokoh Masyarakat/Tokoh Agama

No	Alternatif Program/ Aktiviti	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Meningkatkan Kualiti Pola Pemikiran & Pola Sikap Supaya Lebih Islamik	0.624	0.100	0.427	0.875	0.821	0.717	0.709	0.648	1
2.	Meningkatkan Kualiti & Kuantiti Fungsi Pembelajaran (Maklumat, Komunikasi, Pembujukan, Media dan Pembelaan) Terhadap Masyarakat	0.376	0.900	0.573	0.125	0.179	0.283	0.291	0.352	2
Total		1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	
<i>Consistency Ratio</i> (CR ≤ 0.10)		0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	

Dengan hasil ini, maka dicadangkan oleh seluruh responden agar polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak pada strategi mengoptimumkan peranan tokoh masyarakat/tokoh agama ini memprioritikan program/aktiviti meningkatkan kualiti pola pemikiran dan pola sikap supaya lebih Islamik sebagai prioriti pertama lalu meningkatkan kualiti dan kuantiti fungsi pembelajaran (maklumat, komunikasi, pembujukan, media dan pembelaan) tokoh masyarakat/tokoh agama terhadap masyarakat sebagai prioriti kedua.

4.6.3. Prioriti Strategi Dan Program/Aktiviti Dalam Senario Polisi Peningkatan Kualiti Pengurusan Program/Aktiviti

Jadual 4.26.
Alternatif Strategi Dalam Senario Polisi Peningkatan Kualiti Pengurusan Program/Aktiviti

No	Alternatif Strategi	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Mengoptimumkan Pengurusan Badan Kerajaan Berkaitan	0.179	0.055	0.113	0.717	0.199	0.170	0.135	0.183	3
2.	Usaha Sama antara Badan Kerajaan Berkaitan	0.629	0.655	0.222	0.195	0.172	0.416	0.406	0.446	1
3.	Mengoptimumkan Keterlibatan Masyarakat	0.192	0.290	0.666	0.088	0.630	0.413	0.460	0.371	2
	Total	1.000	1.000	1.001	1.000	1.001	0.999	1.001	1.000	
	<i>Consistency Ratio (CR ≤ 0.10)</i>	0.010	0.080	0.020	0.090	0.040	0.000	0.000	0.000	

Seperti tampak pada jadual 4.26, senario polisi peningkatan kualiti pengurusan program/aktiviti ini memiliki 3 (tiga) prioriti strategi alternatif iaitu :

- (1) usaha sama antara badan kerajaan berkaitan, dengan darjah keberkesanan 0.446,
- (2) mengoptimumkan keterlibatan masyarakat, dengan darjah keberkesanan 0.371, dan
- (3) mengoptimumkan pengurusan badan kerajaan berkaitan, dengan darjah keberkesanan 0.183.

Nilai *consistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai, namun masih berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Dengan hasil ini, maka dicadangkan oleh seluruh responden agar polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak pada senario polisi peningkatan kualiti

pengurusan program/aktiviti ini memprioritikan strategi usaha sama antara badan kerajaan berkaitan sebagai prioriti pertama, strategi mengoptimumkan keterlibatan masyarakat sebagai prioriti kedua, dan strategi mengoptimumkan pengurusan badan kerajaan berkaitan sebagai prioriti yang ketiga.

Jadual 4.27.
Alternatif Program/Aktiviti Dalam
Strategi Mengoptimumkan Pengurusan Badan Kerajaan Berkaitan

No	Alternatif Program/Aktiviti	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Peningkatan Kualiti Keahlian Kaki Tangan Kerajaan dalam Pengurusan	0.222	0.290	0.174	0.081	0.136	0.160	0.154	0.181	3
2.	Peningkatan Kualiti Pola Pemikiran dan Pola Sikap Kaki Tangan Kerajaan Supaya Lebih Islamik	0.537	0.655	0.588	0.731	0.592	0.378	0.673	0.580	1
3.	Peningkatan Kualiti Pengurusan (perancangan, implementasi dan pengawalan) Program	0.241	0.055	0.237	0.188	0.271	0.462	0.174	0.239	2
	Total	1.000	1.000	0.999	1.000	0.999	1.000	1.001	1.000	
	<i>Consistency Ratio</i> (CR ≤ 0.10)	0.000	0.080	0.060	0.060	0.010	0.020	0.000	0.010	

Pada jadual 4.27, strategi alternatif mengoptimumkan pengurusan badan kerajaan berkaitan ini memiliki 3 (tiga) prioriti program aksi alternatif :

- (1) peningkatan kualiti pola pemikiran dan pola sikap kaki tangan kerajaan supaya lebih Islamik, dengan darjah keberkesanan 0.580,
- (2) peningkatan kualiti pengurusan (perancangan, implementasi dan pengawalan) program, dengan darjah keberkesanan 0.239, dan

(3) peningkatan kualiti keahlian kaki tangan kerajaan dalam pengurusan, dengan darjah keberkesanan 0.181.

Nilai *consistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai, namun masih berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Dengan hasil ini, maka dicadangkan oleh seluruh responden agar polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak pada strategi mengoptimumkan pengurusan badan kerajaan berkaitan ini memprioritikan program/aktiviti peningkatan kualiti pola pemikiran dan pola sikap kaki tangan kerajaan supaya lebih Islamik sebagai prioriti pertama, peningkatan kualiti pengurusan (perancangan, implementasi dan pengawalan) program sebagai prioriti kedua, dan peningkatan kualiti keahlian kaki tangan kerajaan dalam pengurusan sebagai prioriti ketiga.

Jadual 4.28.
Alternatif Program/Aktiviti Dalam
Strategi Usaha Sama antara Badan Kerajaan Berkaitan

No	Alternatif Program/Aktiviti	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Peningkatan Kualiti Penyelarasan antara Badan Kerajaan Berkaitan	1.00	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1

Sementara, strategi alternatif usaha sama antara badan kerajaan berkaitan sebagaimana dinyatakan dalam jadual 4.28 hanya memiliki 1 (satu) program aksi alternatif iaitu peningkatan kualiti penyelarasan antara badan kerajaan berkaitan. Dengan demikian dicadangkan oleh seluruh responden agar polisi pembangunan insan

aspek sosial akhlak pada strategi usaha sama antara badan kerajaan berkaitan memprioritikan satu program/aktiviti iaitu peningkatan kualiti penyelarasan antara badan kerajaan berkaitan.

Jadual 4.29.
Alternatif Program/Aktiviti Dalam
Strategi Mengoptimumkan Keterlibatan Masyarakat

No	Alternatif Program/Aktiviti	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Peningkatan Kualiti & Kuantiti Keterlibatan Masyarakat Dalam Perancangan Program	0.360	0.279	0.225	0.195	0.283	0.269	0.414	0.335	2
2.	Peningkatan Kualiti & Kuantiti Keterlibatan Masyarakat Dalam Teknik Pelaksanaan Program	0.376	0.649	0.281	0.717	0.162	0.365	0.364	0.374	1
3.	Peningkatan Kualiti & Kuantiti Keterlibatan Masyarakat Dalam Pengawasan Program	0.264	0.072	0.494	0.088	0.555	0.365	0.222	0.291	3
Total		1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	0.999	1.000	1.000	
<i>Consistency Ratio (CR ≤ 0.10)</i>		0.010	0.060	0.000	0.090	0.020	0.000	0.000	0.000	

Strategi alternatif mengoptimumkan keterlibatan masyarakat ini – sebagaimana dinyatakan pada jadual 4.29 - memiliki 3 (tiga) prioriti program aksi alternatif :

- (1) peningkatan kualiti dan kuantiti keterlibatan masyarakat dalam teknik pelaksanaan program, dengan darjah keberkesanan 0.374,
- (2) peningkatan kualiti dan kuantiti keterlibatan masyarakat dalam perancangan program, dengan darjah keberkesanan 0.335, dan

- (3) peningkatan kualiti dan kuantiti keterlibatan masyarakat dalam pengawalan program, dengan darjah keberkesanan 0.291.

Nilai *concistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai, namun masih berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Dengan hasil ini, maka dicadangkan oleh seluruh responden agar polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak pada strategi mengoptimumkan keterlibatan masyarakat ini memprioritikan program/aktiviti peningkatan kualiti dan kuantiti keterlibatan masyarakat dalam teknik pelaksanaan program sebagai prioriti pertama, peningkatan kualiti dan kuantiti keterlibatan masyarakat dalam perancangan program sebagai prioriti kedua, dan peningkatan kualiti dan kuantiti keterlibatan masyarakat dalam pengawalan program sebagai prioriti ketiga.

4.6.4. Prioriti Strategi dan Program/Aktiviti Dalam Senario Polisi Penetapan Dan Penyempurnaan Tata Peraturan Daerah

Senario polisi penetapan dan penyempurnaan peraturan daerah ini - seperti ditampikan pada jadual 4.30 - memiliki 3 (tiga) prioriti strategi alternatif, iaitu :

- (1) peningkatan kesedaran hukum, dengan darjah keberkesanan 0.446,
- (2) peningkatan khidmat dan penegakan hukum, dengan darjah keberkesanan 0.374,
dan
- (3) penggubalan dan pengembangan peraturan, dengan darjah keberkesanan 0.180.

Jadual 4.30.
Alternatif Strategi Dalam Senario Polisi
Penetapan Dan Penyempurnaan Peraturan Daerah

No	Alternatif Strategi	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Pembuatan dan Pengembangan Peraturan	0.102	0.072	0.129	0.405	0.300	0.127	0.268	0.180	3
2.	Peningkatan Kesedaran Hukum	0.444	0.114	0.785	0.114	0.150	0.503	0.540	0.446	1
3.	Peningkatan Khidmat dan Penegakan Hukum	0.454	0.814	0.086	0.481	0.550	0.370	0.191	0.374	2
	Total	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	0.999	1.000	
	<i>Consistency Ratio</i> (CR ≤ 0.10)	0.000	0.050	0.020	0.030	0.040	0.030	0.010	0.000	

Nilai *consistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai, namun masih berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Dengan hasil ini, maka dicadangkan oleh seluruh responden agar polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak pada senario polisi penetapan dan penyempurnaan peraturan daerah ini memprioritikan strategi peningkatan kesedaran hukum sebagai prioriti pertama, peningkatan khidmat dan penegakan hukum sebagai prioriti kedua, dan penggubalan dan pengembangan peraturan sebagai prioriti ketiga.

Pada jadual 4.31, strategi alternatif penggubalan dan pengembangan peraturan memiliki 4 (empat) prioriti program aksi alternatif iaitu :

- (1) peningkatan kualiti penyelarasan antara badan kerajaan berkaitan, dengan darjah keberkesanan 0.308,
- (2) penyusunan/penyempurnaan peraturan-peraturan daerah, dengan darjah keberkesanan 0.301,

- (3) penguatkuasaan organisasi badan kerajaan berkaitan, dengan darjah keberkesanan 0.249, dan
- (4) inventori dan pengekodan produk hukum, dengan darjah keberkesanan 0.142.

Jadual 4.31.
Alternatif Program/Aktiviti Dalam
Strategi Penggubalan Dan Pengembangan Peraturan

No	Alternatif Program/ Aktiviti	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Penguatkuasaan Organisasi Badan Kerajaan Berkaitan	0.197	0.071	0.301	0.374	0.257	0.255	0.283	0.249	3
2.	Inventori dan Pengekodan Produk Hukum	0.100	0.041	0.125	0.125	0.103	0.249	0.204	0.142	4
3.	Penyusunan/ Penyempurnaan Peraturan-peraturan Daerah	0.326	0.301	0.125	0.442	0.424	0.268	0.254	0.301	2
4.	Peningkatan Kualiti Penyelarasan Antara Badan Kerajaan Berkaitan	0.378	0.588	0.450	0.060	0.216	0.228	0.259	0.308	1
	Total	1.001	1.001	1.001	1.001	1.000	1.000	1.000	1.000	
	<i>Consistency Ratio</i> (CR ≤ 0.10)	0.000	0.090	0.000	0.080	0.050	0.010	0.010	0.000	

Nilai *consistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai, namun masih berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Dengan hasil ini, maka dicadangkan oleh seluruh responden agar polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak pada strategi penggubalan dan pengembangan peraturan ini memprioritikan program aksi peningkatan kualiti penyelarasan antara badan kerajaan berkaitan sebagai prioriti pertama, penyusunan/penyempurnaan peraturan-peraturan daerah sebagai prioriti kedua, penguatkuasaan organisasi badan kerajaan berkaitan sebagai prioriti ketiga, dan inventori dan pengekodan produk hukum sebagai prioriti terakhir.

Jadual 4.32.
Alternatif Program/Aktiviti Dalam
Strategi Peningkatan Kesedaran Hukum

No	Alternatif Program/Aktiviti	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Sosialisasi Peraturan-Peraturan Daerah	0.465	0.125	0.366	0.125	0.564	0.500	0.309	0.389	2
2.	Implementasi Peraturan-Peraturan Daerah	0.535	0.875	0.634	0.875	0.436	0.500	0.691	0.611	1
	Total	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	
<i>Consistency Ratio</i> (CR ≤ 0.10)		0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	

Pada jadual 4.32, strategi alternatif peningkatan kesedaran hukum ini memiliki 2 (dua) prioriti program aksi alternatif iaitu :

- (1) implementasi peraturan-peraturan daerah dengan darjah keberkesanan 0.611, dan
- (2) sosialisasi peraturan-peraturan daerah, dengan darjah keberkesanan 0.389.

Nilai *consistency ratio* seluruh responden adalah 0 (nol). Ini bererti nilai dari semua responden berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Dengan hasil ini, maka dicadangkan oleh seluruh responden agar polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak pada strategi peningkatan kesedaran hukum ini memprioritikan program aksi implementasi peraturan-peraturan daerah sebagai prioriti pertama dan sosialisasi peraturan-peraturan daerah sebagai prioriti kedua.

Jadual 4.33.
Alternatif Program/Aktiviti Dalam
Strategi Peningkatan Khidmat Dan Penegakan Hukum

No	Alternatif Program/Aktiviti	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Peningkatan Kualiti & Kuantiti Sarana Prasarana Bagi Menegakkan Hukum	0.109	0.029	0.115	0.082	0.106	0.098	0.065	0.093	4
2.	Peningkatan Khidmat Hukum pada Masyarakat	0.154	0.102	0.360	0.263	0.170	0.244	0.261	0.216	3
3.	Peningkatan Profesionalisme Kaki Tangan Kerajaan	0.335	0.392	0.211	0.136	0.100	0.250	0.263	0.255	2
4.	Inventori & Kemas Kini Data Permasalahan Hukum	0.062	0.047	0.089	0.036	0.223	0.138	0.071	0.087	5
5.	Tindakan Terhadap Pelaku yang Melanggar Hukum	0.339	0.430	0.225	0.482	0.402	0.271	0.340	0.349	1
	Total	0.999	1.000	1.000	0.999	1.001	1.001	1.000	1.000	
	<i>Consistency Ratio (CR ≤ 0.10)</i>	0.020	0.100	0.020	0.100	0.030	0.040	0.020	0.010	

Pada jadual 4.33, strategi alternatif peningkatan khidmat dan penegakan hukum ini memiliki 5 (lima) prioriti program aksi alternatif iaitu :

- (1) tindakan terhadap pelaku yang melanggar hukum, dengan darjah keberkesanan 0.349,
- (2) peningkatan profesionalisme kaki tangan kerajaan, dengan darjah keberkesanan 0.255,
- (3) peningkatan khidmat hukum pada masyarakat, dengan darjah keberkesanan 0.216,
- (4) peningkatan kualiti dan kuantiti sarana prasarana bagi menegakkan hukum, dengan darjah keberkesanan 0.093, dan

(5) inventori dan kemas kini data permasalahan hukum, dengan darjah keberkesanan 0.087.

Nilai *concistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai namun masih berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Dengan hasil ini, maka dicadangkan oleh seluruh responden agar polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak pada strategi peningkatan khidmat dan penegakan hukum ini memprioritikan program aksi tindakan terhadap pelaku yang melanggar hukum sebagai prioriti pertama, peningkatan profesionalisme kaki tangan kerajaan sebagai prioriti kedua, peningkatan khidmat hukum pada masyarakat sebagai prioriti ketiga, peningkatan kualiti dan kuantiti sarana prasarana bagi menegakkan hukum sebagai prioriti keempat, serta inventori dan kemas kini data permasalahan hukum sebagai prioriti terakhir.

4.6.5. Prioriti Strategi Dan Program/Aktiviti Dalam Senario Polisi Penyediaan Sarana Prasarana Mengikut Keperluan

Senario polisi penyediaan sarana prasarana mengikut keperluan ini memiliki 2 (dua) prioriti strategi alternatif iaitu :

(1) pemeliharaan dan pemantapan sarana prasarana, dengan darjah keberkesanan 0.552 serta

(2) penyediaan dan mengembangkan sarana prasarana, dengan darjah keberkesanan 0.448.

Nilai *concistency ratio* seluruh responden adalah 0 (nol) yang bererti berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Jadual 4.34.
Alternatif Strategi Dalam Senario Polisi
Penyediaan Sarana Prasarana Mengikut Keperluan

No	Alternatif Strategi	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Penyediaan & Mengembangkan Sarana Prasarana	0.468	0.833	0.274	0.750	0.309	0.369	0.453	0.448	2
2.	Pemeliharaan & Pemantapan Sarana Prasarana	0.532	0.167	0.726	0.250	0.691	0.631	0.547	0.552	1
	Total	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	1.000	
	<i>Consistency Ratio (CR ≤ 0.10)</i>	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	

Dengan hasil ini, maka dicadangkan oleh seluruh responden agar polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak pada senario polisi penyediaan sarana prasarana mengikut keperluan ini memprioritikan strategi pemeliharaan dan pemantapan sarana prasarana sebagai prioriti pertama serta penyediaan dan mengembangkan sarana prasarana sebagai prioriti berikutnya.

Strategi alternatif penyediaan dan mengembangkan sarana prasarana ini - sebagaimana tampak pada jadual 4.35 - memiliki 3 (tiga) prioriti program aksi alternatif iaitu :

- (1) peningkatan penyelarasan pengadaan/mengembangkan sarana dan prasarana dengan badan kerajaan berkaitan, dengan darjah keberkesanan 0.535,
- (2) pengadaan/mengembangkan sarana prasarana, dengan darjah keberkesanan 0.278, dan
- (3) inventori dan kemas kini data sarana prasarana, dengan darjah keberkesanan 0.186.

Jadual 4.35.
Alternatif Program/Aktiviti Dalam
Strategi Penyediaan Dan Mengembangkan Sarana Prasarana

No	Subfaktor-Subfaktor Dalam Sokongan Sarana Prasarana	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Inventori dan Kemas kini Data Sarana Prasarana	0.168	0.072	0.107	0.559	0.264	0.313	0.113	0.186	3
2.	Pengadaan/Mengembangkan Sarana Prasarana	0.238	0.279	0.187	0.089	0.526	0.269	0.307	0.278	2
3.	Peningkatan Penyelarasan Pengadaan/Mengembangkan Sarana Prasarana Dengan Badan Kerajaan Berkaitan	0.595	0.649	0.707	0.352	0.210	0.418	0.580	0.535	1
	Total	1.001	1.000	1.001	1.000	1.000	1.000	1.000	0.999	
	<i>Consistency Ratio (CR ≤ 0.10)</i>	0.010	0.060	0.000	0.050	0.010	0.000	0.010	0.010	

Nilai *consistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai. Namun demikian, nilai *consistency ratio* seluruh responden masih berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Dengan hasil ini, maka dicadangkan oleh seluruh responden agar polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak pada strategi penyediaan dan mengembangkan sarana prasarana ini memprioritikan program/aktiviti peningkatan penyelarasan pengadaan/mengembangkan sarana dan prasarana dengan badan kerajaan berkaitan sebagai prioriti pertama, pengadaan/ mengembangkan sarana prasarana sebagai prioriti kedua, dan inventori dan kemas kini data sarana prasarana sebagai prioriti terakhir.

Jadual 4.36.
Alternatif Program/Aktiviti Dalam
Strategi Pemeliharaan Dan Pemantapan Sarana Prasarana

No	Alternatif Program/Aktiviti	Nilai Darjah Keberkesanan Menurut Kategori <i>Key Stakeholders</i>							Nilai Darjah Keberkesanan Gabungan	Prioriti
		Kerajaan (Pemerintah Provinsi)	Parlimen (DPRD)	Ahli akademik/Pengamat	Media Massa	Dunia usaha/Lembaga Kewangan	Tokoh Masyarakat	Tokoh Agama		
1.	Inventori dan Kemas kini Data Sarana Prasarana	0.120	0.081	0.107	0.140	0.264	0.325	0.106	0.154	3
2.	Pemeliharaan/ Pemantapan Sarana & Prasarana	0.385	0.188	0.187	0.528	0.526	0.247	0.396	0.359	2
3.	Peningkatan Penyelarasan Pemeliharaan/ Pemantapan Sarana & Prasarana Dengan Badan Kerajaan Berkaitan	0.495	0.731	0.707	0.333	0.210	0.428	0.498	0.487	1
	Total	1.000	1.000	1.001	1.001	1.000	1.000	1.000	1.000	
<i>Consistency Ratio (CR ≤ 0.10)</i>		0.010	0.060	0.000	0.050	0.010	0.010	0.000	0.000	

Strategi alternatif pemeliharaan dan pemantapan sarana prasarana ini – seperti yang ditampilkan pada jadual 4.36 - memiliki 3 (tiga) prioriti program aksi alternatif iaitu:

- (1) peningkatan penyelarasan pemeliharaan/pemantapan sarana prasarana dengan badan kerajaan berkaitan, dengan darjah keberkesanan 0.487,
- (2) pemeliharaan/pemantapan sarana prasarana, dengan darjah keberkesanan 0.359, dan
- (3) inventori dan kemas kini data sarana prasarana, dengan darjah keberkesanan 0.154.

Nilai *consistency ratio* seluruh responden berbagai-bagai. Namun demikian, nilai *consistency ratio* seluruh responden masih berada pada nilai yang dibolehkan iaitu di bawah atau sama dengan 0.10.

Dengan hasil ini, maka dicadangkan oleh seluruh responden agar polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak pada strategi pemeliharaan dan pemantapan sarana prasarana ini memprioritikan program/aktiviti peningkatan penyelarasan pemeliharaan/pemantapan sarana prasarana sebagai prioriti pertama, pemeliharaan/pemantapan sarana prasarana sebagai prioriti kedua, inventori dan kemas kini data sarana prasarana sebagai prioriti terakhir.

Dengan demikian senario polisi yang dicadangkan pada penyusunan polisi pembangunan insan pada aspek sosial akhlak di Ibu Kota Jakarta (sesuai peringkat keberkesanan) adalah (1) peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam dengan darjah keberkesanan 0.413, (2) peningkatan kualiti pengurusan program/aktiviti dengan darjah keberkesanan 0.225, (3) penyediaan sarana dan prasarana secara memadai dengan darjah keberkesanan 0.200, dan (4) penetapan dan penyempurnaan tata peraturan daerah dengan darjah keberkesanan 0.163.

4.7. Strategi Khusus Mengoptimumkan Peranan Badan Keagamaan *Jakarta Islamic Centre*

Pada huraian sebelumnya, dinyatakan bahawa senario polisi yang dicadangkan (sesuai peringkat keberkesanan) adalah (1) peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam dengan darjah keberkesanan 0.413, (2) peningkatan kualiti pengurusan program/aktiviti dengan darjah keberkesanan 0.225, (3) penyediaan sarana dan prasarana mengikut keperluan dengan darjah keberkesanan 0.200, dan (4) penetapan dan penyempurnaan tata peraturan daerah dengan darjah keberkesanan 0.163.

Selanjutnya, masih pada huraian yang sama, khususnya pada bahasan senario polisi peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam terdapat 3 (tiga) prioriti strategi alternatif : (1) mengoptimumkan peranan badan keagamaan dengan darjah keberkesanan 0.703, (2) mengoptimumkan peranan tokoh masyarakat/tokoh agama dengan darjah keberkesanan 0.344, dan (3) mengoptimumkan peranan badan kerajaan berkaitan dengan darjah keberkesanan 0.253.

Pilihan senario peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam yang mendapat prioriti pertama memberikan gambaran umum bahawa kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam masyarakat Jakarta memang belum optimum. Kehidupan masyarakat jauh dari agama (Islam). Jika pun ada, itu hanya pada masalah-masalah *ubudiyah*. Dalam masalah ekonomi, politik, sosial budaya seakan tidak ada aplikasi agama Islam. Tepat seperti istilah khas rasmi yang digunakan dalam dokumen renstrada 2002-2007 atau pun RPJMD 2007-2012, agama (Islam) direduksi menjadi aspek “sosial akhlak”.

Untuk mengembalikan fungsi dan peranan agama Islam dalam seluruh aspek kehidupan, diperlukan senario peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam. Dalam senario tersebut, pilihan strategi mengoptimumkan peranan badan keagamaan menjadi prioriti pertama.

4.7.1. Keadaan Semasa Badan Keagamaan di Ibu Kota Jakarta

Keorganisasian Badan Keagamaan di Ibu Kota Jakarta berkait erat dengan usaha pembinaan mental spirituail masyarakat Jakarta. Sesuai dengan fakta kedudukannya dan proses pembentukan/pendiriannya terdapat tiga kategori posisi/kedudukan yang diperankan oleh badan keagamaan iaitu :

- (1) Sebagai badan keagamaan kerajaan atau unit kerja langsung atau satuan kerja perangkat daerah (SKPD). Pembentukan badan keagamaan ini dilakukan berdasarkan peranan yuridis formal pada kerajaan (pemerintah daerah) yang diatur dalam Peraturan Pemerintah RI Nombor 8 tahun 2003 tentang pedoman organisasi perangkat daerah, khususnya pada Bab II mengenai pembentukan organisasi perangkat daerah Pasal 2 ayat 1, yang menyebutkan bahawa “ Organisasi perangkat daerah dibentuk berdasarkan pertimbangan: (a) peranan pemerintah yang dimiliki oleh daerah; (b) karakteristik, potensi, dan keperluan daerah; (c) kemampuan kewangan daerah; (d) ketersediaan sumberdaya aparatur; (e) pengembangan pola kerja sama antara daerah dan/atau dengan pihak ketiga”.⁹ peraturan pemerintah tersebut menyempurnakan peraturan pemerintah nombor 84 tahun 2000 tentang pedoman organisasi perangkat daerah.¹⁰ Pembentukan badan keagamaan ini dilakukan berdasarkan adanya keputusan kerajaan (pemerintah daerah), lazimnya berupa Keputusan Gabenor, Surat Keputusan (SK) Gabenor atau bahkan Peraturan Daerah (Perda). Badan Keagamaan ini contohnya antara lain *Jakarta Islamic Centre*, BAZIS (Badan Amil Zakat Infak dan Shodaqah) DKI Jakarta, LPTQ (Lembaga Pengembangan Tilawatil Qur’an) Jakarta, LBIQ (Lembaga Bahasa dan Ilmu al Qur’an) Jakarta, dan Kantor Urusan Haji. Macam surat keputusan bagi masing-masing badan keagamaan tersebut dapat dilihat di awal bahasan Bab ini, iaitu pada subbab 4.2.1. Hasil Kajian Terhadap Keadaan Semasa Polisi Pembangunan Insan dari Aspek Sosial Akhlak di Ibu Kota Jakarta.
- (2) Sebagai badan keagamaan mitra kerja (rakan kerja) atau lembaga kerjasama kerajaan dan masyarakat. Pembentukan badan keagamaan ini juga didasarkan atas peranan yuridis pada kerajaan (pemerintah daerah) yang diatur dalam Peraturan

⁹ Pemerintah Republik Indonesia (2003), *Peraturan Pemerintah RI Nombor 8 tahun 2003 tentang Pedoman Organisasi Perangkat Daerah*. Jakarta : Sekretariat Negara.

¹⁰ Pemerintah Republik Indonesia (2000), *Peraturan Pemerintah RI Nombor 84 Tahun 2000 tentang Pedoman Organisasi Perangkat Daerah*. Jakarta : Sekretariat Negara.

Pemerintah RI Nombor 8 tahun 2003 tentang pedoman organisasi perangkat daerah, khususnya pada Bab II mengenai pembentukan organisasi perangkat daerah pasal 2 ayat 1, terutama atas dasar pertimbangan poin (e), yakni “pengembangan pola kerja sama antara daerah dan/atau dengan pihak ketiga”.¹¹ Pembentukan badan keagamaan ini ditandai dengan adanya keputusan kerajaan (pemerintah daerah), lazimnya berupa Keputusan Gabenor atau Surat Keputusan (SK) Gabenor. Pembentukan badan keagamaan ini dapat berasal dari *political will* kerajaan pemerintah daerah atau masyarakat secara sendiri-sendiri atau bersama-sama. Badan keagamaan ini contohnya antara lain :

- a. KODI (Koordinasi Dakwah Islam) yang berdiri berdasarkan SK Gabenor KDKI Jakarta Nombor cb. 1/2/21 tahun 1969.¹²
- b. MUI (Majlis Ulama Indonesia) DKI Jakarta yang dibentuk oleh forum Musyawarah Daerah sebagai perangkat turunan dari MUI tingkat nasional yang didirikan saat Musyawarah Nasional I tanggal 26 Juli 1975 di Jakarta.
- c. DMI (Dewan Masjid Indonesia) Provinsi DKI Jakarta yang didirikan atas SK Gabenor Nombor 43 tahun 1999 tentang Pembentukan, Organisasi dan Tata Kerja Dewan Masjid Indonesia Provinsi DKI Jakarta, tanggal 3 Juni 1999.¹³

(3) Sebagai badan keagamaan non pemerintah (dimiliki dan dibina sendiri oleh elemen-elemen masyarakat). Pembentukan badan keagamaan ini dilakukan berdasarkan hak dan/atau kewajiban yang dimiliki oleh masyarakat sesuai dengan ajaran agamanya. Contohnya antara lain :

- a. FKKUB (Forum Konsultasi dan Komunikasi Umat Beragama). Badan ini lahir atas dasar inisiatif para ulama pada tanggal 5 April 2000 yang Piagam

¹¹ Pemerintah Republik Indonesia (2003), *Peraturan Pemerintah RI Nombor 8 tahun 2003 tentang Pedoman Organisasi Perangkat Daerah*. Jakarta : Sekretariat Negara.

¹² Pemerintah Provinsi DKI Jakarta (1969), *SK Gabenor KDKI Jakarta Nombor cb. 1/2/21 tahun 1969*. Jakarta : Sekretariat Daerah.

¹³ Pemerintah Provinsi DKI Jakarta (1999), *SK Gabenor Nombor 43 tahun 1999 tentang Pembentukan, Organisasi dan Tata Kerja Dewan Masjid Indonesia Provinsi DKI Jakarta*. Jakarta : Sekretariat Daerah.

Kesepakatannya ditandatangani oleh Wakil-Wakil Agama dan Tokoh Umat Beragama.

- b. (FUI) Forum Umat Islam. Badan ini dilahirkan atas rekomendasi Kongres Umat Islam yang diselenggarakan MUI pada tahun 2005. Di dalamnya berhimpun organisasi-organisasi Islam seperti NU, Muhammadiyah, Persis, dan lain-lain termasuk partai-partai politik Islam.

Sementara, dari sisi tugas pokok dan fungsi (fungsi primer) yang diamanahkan, Badan Keagamaan tersebut bergerak dalam skop : pengembangan modal insan, layanan pengajian dan pengembangan islam, pengelolaan zakat, infak dan shadaqah/pemberdayaan mustahik zakat, layanan dakwah, pengelolaan masjid, layanan ibadah haji, layanan bimbingan dan konsultasi keluarga sakinah, layanan sosial budaya, layanan maklumat dan komunikasi, layanan bisnis islami, dan layanan lain-lain yang bersesuaian dengan kepentingan kerajaan jakarta dalam pembangunan insan pada aspek sosial-akhlak.

4.7.2. Peranan Jakarta Islamic Centre Terkini

Pendirian *Jakarta Islamic Centre* di atas tanah seluas 10.000 m² di Kecamatan Koja dan Cilincing, Kotamadya Jakarta Utara merupakan *political will* Kerajaan Jakarta yang mengukuhkan aspirasi kuat umat Islam Jakarta. Polisi politik ini dituangkan dalam Keputusan Gabenor Jakarta Nombor 6485 tahun 1998 tentang Penutupan PSKW (Panti Sosial Karya Wanita) Teratai Harapan Kramat Tunggak¹⁴ - atau yang lebih dikenal khalayak sebagai lokalisasi WTS/Pelacur terbesar se Asia Tenggara - selambat-lambatnya akhir Desember 1999 yang dilanjutkan dengan

¹⁴ Pemerintah Provinsi DKI Jakarta (1998), *Keputusan Gabenor Jakarta Nombor 6485 tahun 1998 tentang Penutupan PSKW (Panti Sosial Karya Wanita) Teratai Harapan Kramat Tunggak*. Jakarta : Sekretariat Daerah.

pembentukan Panitia Pengarah atau *Steering Committee* (SC) pembangunan *Jakarta Islamic Centre* dengan Keputusan Gabenor Jakarta Nombor 2656 tahun 2001.¹⁵ Kepanitiaan terakhir juga dibantu oleh Tim Perumus Penyusunan Konsep Organisasi dan Manajemen *Jakarta Islamic Centre* dengan Surat Tugas Gabenor Nombor 912/073-554, yang didukung oleh konsultan SEM Institute. Hasil perumusan konsep organisasi dan manajemen tersebut kemudian dilanjutkan dengan dikeluarkannya SK Gabenor Jakarta Nombor 99/2003 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Badan Pengelola Pusat Pengkajian dan Pengembangan Islam Jakarta (*Jakarta Islamic Centre*). Selanjutnya pada tahun April 2004, Badan Pengelola Pusat Pengkajian dan Pengembangan Islam Jakarta (*Jakarta Islamic Centre*) diangkat melalui SK Gabenor Jakarta Nombor 651/2004.¹⁶

Kerajaan Jakarta, khususnya Gabenor, dan umat Islam Jakarta sebagaimana tercermin dari sikap tokoh-tokoh umat dan perwakilan berbagai kelompok sangat menginginkan hadirnya *Islamic Centre* - yang kemudian diberi nama *Jakarta Islamic Centre* - yang berskala antarabangsa dengan masjid yang monumental dan makmur sehingga dapat menjadi kebanggaan warga kota Jakarta. Di samping itu, *Jakarta Islamic Centre* diharapkan juga akan menjadi pusat pengembangan modal insan muslim, menjadi pusat pengembangan seni budaya Islam, menjadi pusat maklumat dan komunikasi Islam dan menjadi pusat pengembangan bisnis Islam.

Sejak pengoperasian Badan Pengelola *Jakarta Islamic Centre* pada bulan April 2004, badan ini terus memantapkan diri sebagai lembaga pengajian dan pengembangan Islam. Visi menjadi pusat peradaban Islam telah ditetapkan. Adapun misi utamanya membangun modal insan muslim yang mampu mewujudkan *Islam rahmatan lil alamin*.

¹⁵ Pemerintah Provinsi DKI Jakarta (2001), *Keputusan Gabenor Jakarta Nombor 2656 tahun 2001 tentang Pembentukan Panitia Pengarah atau Steering Committee (SC) Pembangunan Jakarta Islamic Centre*. Jakarta : Sekretariat Daerah.

¹⁶ Pemerintah Provinsi DKI Jakarta (2001), *SK Gabenor Jakarta Nombor 99 tahun 2003 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Badan Pengelola Pusat Pengkajian dan Pengembangan Islam Jakarta (Jakarta Islamic Centre)*. Jakarta : Sekretariat Daerah.

Selain itu, secara fisik, bangunan *Islamic Centre* diharapkan menjadi salah satu *landmark* Jakarta dan menjadi salah satu tujuan pelancongan spirituil.

Dalam dokumen rencana strategis 2006-2009, dinyatakan bahawa Badan ini memiliki visi : “Menjadi Pusat Peradaban Islam” dan menyangand misi :

- (1) Mewujudkan pusat pengembangan modal insan muslim, pengajian, data dan maklumat, serta budaya Islam di Jakarta yang bertaraf antarabangsa;
- (2) Mewujudkan Pusat Pengembangan Islam Jakarta sebagai *landmark* dengan sosok fisik yang monumental, bernuansa Islam yang mana Masjid sebagai sentrumnya.

Jakarta Islamic Centre mengembangkan layanan Takmir Masjid, Pendidikan dan Latihan, Sosial Budaya, Maklumat dan Komunikasi, Komersial (bisnis) serta layanan penyokong.

Saat ini *Jakarta Islamic Centre* telah memiliki Masjid *Jakarta Islamic Centre* yang menempati areal seluas 2,2 Ha dari 10,9 Ha luas keseluruhan. Pembangunannya dimulai akhir 2001 dan digunakan pertama kali dalam pelaksanaan Shalat Jumat perdana pada tanggal 6 September 2002 yang dihadiri oleh Gabenor Jakarta, H. Sutiyoso. Perasmian Masjid *Jakarta Islamic Centre* dilakukan pada tanggal 4 Mac 2003 oleh Gabenor H. Sutiyoso.

Rajah 4.6. Masjid *Jakarta Islamic Centre*



Masjid *Jakarta Islamic Centre* dibangun dengan dilengkapi sejumlah bangunan tambahan untuk kegiatan pertemuan, ruang audio visual, ruang perkantoran untuk Badan Pengelola, MUI, dan DMI serta perpustakaan. Saat ini sedang dibangun kompleks gedung pendidikan dan latihan serta masih dalam tahap *master plan* kompleks gedung bisnis.

**Rajah 4.7. *Master Plan* Gedung Pendidikan dan Latihan
*Jakarta Islamic Centre***



Gedung Pendidikan dan Latihan (Diklat) *Jakarta Islamic Centre* menempati kawasan seluas 7.500 m² di sayap kanan kompleks masjid, dengan luas bangunan 13.551 m². Gedung Diklat mulai dibangun pertengahan 2005 dan kini pada tahap penyelesaian. Gedung Diklat *Jakarta Islamic Centre* dilengkapi dengan fasiliti/kemudahan antara lain: ruang kelas, ruang seminar, ruang latihan, ruang *Islamic studies*, ruang galeri, perpustakaan, auditorium, laboratorium bahasa dan multimedia, laboratorium perbankan syariah, studio produksi multimedia, studio siaran, teater terbuka, kantor dan sarana penyokong lain seperti warung internet (warnet), warung telekomunikasi (wartel), dan kantin. Keseluruhan fasiliti tersebut juga didukung oleh sarana dan prasarana berupa alat instruksi diklat yang berteknologi canggih dan sesuai dengan perkembangan zaman.

Diklat *Jakarta Islamic Centre* dengan nama lain *Community College Jakarta Islamic Centre* (CC JIC), mengembangkan tiga jenis pendidikan utama, yaitu bidang manajemen, kebahasaan dan teknologi maklumat. Model penyelenggaraan *Community College* JIC dilakukan dengan tiga model pendidikan dan latihan (Diklat) iaitu, berupa fasilitasi kegiatan pendidikan yang diselenggarakan oleh badan keagamaan di Ibu Kota Jakarta, kerjasama (*sharing* atau *franchise*) dengan pihak lain dan model Diklat spesifik milik *Jakarta Islamic Centre*.

Sementara, kompleks bisnis *Jakarta Islamic Centre* (Hotel, *Convention Hall* dan Perkantoran) akan menempati kawasan seluas 7.500 m² di sebelah kanan masjid dengan luas total bangunan 21.452 m² yang terdiri dari tiga unit bisnis yaitu; hotel (11.217 m²), *convention hall* (4.582 m²) dan perkantoran (5.653 m²). Dalam pengelolaannya, keseluruhan komplek bisnis ini akan dikelola dengan aturan dan sistem syariah, sebagai wujud peranan strategik *Jakarta Islamic Centre* menuju kiblat pengembangan ekonomi syariah di Indonesia.

**Rajah 4.8. Master Plan Gedung Bisnis
*Jakarta Islamic Centre***



Hingga saat ini JIC telah menyelenggarakan sejumlah program kerja, di antaranya adalah :

(1) Program Bidang Takmir

- a. Menyelenggarakan ibadah-ibadah *mahdhah* sesuai dengan tuntunan syariah,
- b. Menyelenggarakan kajian-kajian Islam klasik dan kontemporeri,
- c. Peringatan hari-hari besar agama Islam yang mengandung aspek pelaksanaan ibadah *mahdhah*,
- d. Pengajian dan pengembangan format dakwah yang sesuai dengan tuntutan dan *trend* zaman agar lebih *efektif* dan *efisien*,
- e. Pelaksanaan manajemen masjid yang profesional, efektif, efisien, berorientasi jaringan (*networking*) antara masjid dan badan dakwah,
- f. Memberi perkhidmatan keperluan-keperluan dasar ibadah dan pengetahuan keagamaan bagi masyarakat.

(2) Program Bidang Pendidikan dan Latihan

- a. Riset dan studi tentang aspek-aspek Islam dari berbagai wilayah Indonesia dan Asia Tenggara,
- b. Kajian yang mendalam terhadap komponen-komponen pembangun peradaban beserta kontekstualisasi operasionalisasinya,
- c. Membangun perpustakaan yang menghimpun dan menyebarluaskan karya-karya intelektual Muslim di Indonesia dan Asia Tenggara.
- d. Menyelenggarakan *community college* dengan berbagai-bagai pendidikan singkat profesi yang berorientasi pada pengembangan akademik, *life skill*, dan *social skill* dengan orientasi pada keperluan pasar dan bursa kerja serta latihan dan kursus-kursus keterampilan yang berbasis dan berorientasi pada peningkatan kapasitas peserta dalam bidang-bidang *Tsaqofah* Islam (Ulumul Qur'an, Ulumul Hadist, dll), Kebahasaan, Teknologi Maklumat, Komunikasi, Ekonomi dan Perbankan Syariah, *Management* dan *Leadership*.

(3) Program Bidang Sosial Budaya

- a. Peringatan hari-hari besar agama Islam yang mengandung aspek pelaksanaan ibadah *ghairu mahdhah*,
- b. Kegiatan seni pertunjukan tradisi dan budaya yang mengangkat khazanah lokal khususnya Betawi yang bernafaskan keislaman,

- c. Riset dan pemetaan keadaan sosial budaya di ibukota dengan masjid sebagai pusat utamanya,
- d. Penguatan asas ekonomi jamaah, melalui pola jaringan yang terjalin melalui masjid,
- e. Peningkatan kualiti penghayatan peribadatan melalui pendekatan seni dan budaya.

(4) Program Bidang Maklumat Dan Komunikasi

- a. Pengembangan infrastruktur teknologi maklumat di lingkungan JIC,
- b. Implementasi dan pengembangan *software-software* aplikasi, sistem maklumat manajemen, sistem penyokong keputusan serta *expert system*,
- c. Penyelenggaraan perpustakaan konvensional dan digital di lingkungan JIC, khususnya pengetahuan tentang peradaban,
- d. Penyelenggaraan layanan pelancongan dakwah melalui multi media bagi siswa dan masyarakat,
- e. Pembuatan media layanan maklumat keislaman dan berita serta agenda kegiatan JIC, baik cetak mahupun elektronik,
- f. Melakukan kerjasama penyiaran melalui media cetak dan elektronik, baik radio maupun televisi.

(5) Program Bidang Bisnes

- a. Perintisan pendirian Hotel Jakarta Islamic Centre sebagai pusat pelancongan rohani di Indonesia,
- b. Perintisan pendirian *Convention Centre* sebagai pusat promosi dan eksibisi berasaskan syari'ah,
- c. Perintisan pendirian Pusat Perkantoran Berbasis Syari'ah sebagai kantor perwakilan bagi provinsi-provinsi di Indonesia, negara-negara OKI, perusahaan-perusahaan dagang, serta perwakilan diplomatik lembaga-lembaga keislaman antarabangsa,
- d. Melakukan riset pasar terhadap berbagai kemungkinan agenda bisnes yang strategik dan sesuai prinsip syariah,
- e. Menjalankan kerja sama usaha dengan berbagai pilihan skim pembiayaan dan bentuk kerja sama yang memungkinkan serta pembangunan jaringan kerja nasional dan internasional,
- f. Perintisan pendirian unit *production house*, filem-filem animasi Islami,

- g. Perintisan pendirian *media center* baik media massa maupun media elektronik,
- h. Pendirian biro Haji dan Umrah.

4.7.3. Mengoptimumkan Peranan *Jakarta Islamic Centre*

Dengan melihat visi, misi, tujuan hingga skop kegiatan Badan Keagamaan *Jakarta Islamic Centre* ini, cadangan strategi mengoptimumkan peranan badan keagamaan, khususnya *Jakarta Islamic Centre*, sebagai prioriti pertama untuk mengembalikan fungsi dan peranan agama (Islam) dalam seluruh aspek kehidupan menjadi tepat dalam rangka peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama (Islam).

Agar usaha peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama (Islam) dapat berjalan optimum, maka keberadaan *Jakarta Islamic Centre* perlu diposisikan dengan fungsi utama sebagai pusat pengajian dan pengembangan Islam di Jakarta. *Jakarta Islamic Centre* harus memiliki strategi fungsional yang kuat pada aspek-aspek :

(1) **Pembinaan Umat dan Pengukuhan Citra.** Aspek ini dicapai jika *Jakarta Islamic Centre* memenuhi dua syarat di bawah ini, iaitu :

- a. *Jakarta Islamic Centre* boleh menjadi *trend setter* pembinaan mental spiritual di Ibu Kota Jakarta, dan
- b. *Jakarta Islamic Centre* memiliki pengaruh yang kuat atas pengambilan polisi pembangunan mental spiritual Kerajaan Jakarta.

(2) **Pengukuhan Institusi dan Modal Insan Internal.** Aspek ini dicapai jika *Jakarta Islamic Centre* memenuhi syarat berikut :

- a. *Jakarta Islamic Centre* memiliki jaringan yang kuat dan padu, baik di peringkat provinsi, nasional mahupun antarabangsa,

- b. *Jakarta Islamic Centre* memiliki kemantapan perpaduan internal kelembagaan dalam gagasan, rencana strategik dan *standar operating procedure* (SOP), serta aksi bersama,
- c. *Jakarta Islamic Centre* memiliki modal insan dalam jumlah dan kualiti yang memadai.

(3) **Pentadbiran dan Kewangan.** Aspek ini dapat dicapai jika *Jakarta Islamic Centre* boleh memenuhi dua syarat berikut, yakni :

- a. *Jakarta Islamic Centre* memiliki sarana-prasarana organisasi yang memadai.
- b. *Jakarta Islamic Centre* memiliki kemampuan *self assessment* secara mandiri.

Untuk itu, dalam jadual 4.37 direkomendasikan sejumlah program/kegiatan yang dapat mengoptimumkan peran *Jakarta Islamic Centre* dalam rangka peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama (Islam). Terdapat 7 (tujuh) garis besar rekomendasi program/kegiatan yang diberikan, iaitu :

- (1) Penetapan dan penguatan peranan JIC sebagai lembaga penyelaras penyelenggaraan peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam bagi kerajaan dan masyarakat Ibu Kota Jakarta.
- (2) Pemberian nasehat/muhasabah kepada kerajaan Jakarta sebagai penyikapan atas situasi dan keadaan sosial politik kemasyarakatan terkini.
- (3) Kajian mengenai kesesuaian polisi publik (produk perundangan daerah) dengan syariah.
- (4) Pemberian penyelesaian Islam atas setiap persoalan umat yang muncul.
- (5) Pembinaan intensif keislaman untuk badan-badan keagamaan.
- (6) Pembinaan intensif keislaman untuk kaki tangan kerajaan ibu kota Jakarta.

- (7) Penyelenggaraan khidmat maklumat, komunikasi, pembujukan, media dan pembelaan tentang Islam dalam berbagai bentuknya mengikut keperluan untuk seluruh umat Islam Jakarta.

Jadual 4.37.

Cadangan Program/Aktiviti Bagi Jakarta Islamic Centre Untuk Pembelajaran Kolektif Tentang Islam Dalam Rangka Peningkatan Kualiti Pemahaman, Penghayatan Dan Pengamalan Agama Islam Bagi Kerajaan Dan Masyarakat Ibu Kota Jakarta

Cadangan Program/Kegiatan Pembelajaran Kolektif	Indikator Kinerja (Prestasi)
(1) Penetapan dan penguatan peranan JIC sebagai badan penyelaras penyelenggaraan peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam bagi kerajaan dan masyarakat Ibu Kota Jakarta.	JIC menjadi badan penyelaras yang bertugas mendampingi kerajaan dalam penyelenggaraan peningkatan kualiti pemahaman, penghayatan dan pengamalan agama Islam bagi kerajaan dan masyarakat Ibu Kota Jakarta.
(2) Pemberian nasehat/muhasabah kepada pemerintah sebagai penyikapan atas situasi dan keadaan sosial politik kemasyarakatan terkini.	Tersampainya nasehat/muhasabah kepada Kerajaan Jakarta secara cepat dan responsif atas setiap situasi dan keadaan sosial politik kemasyarakatan kekinian sebagai bahan pengambilan keputusan Kerajaan Jakarta.
(3) Pengkajian kebersesuaian polisi publik (produk perundangan daerah) dengan syariah.	Terumuskannya hasil kajian berikut cadangan polisi sesuai Islam bagi Kerajaan Jakarta.
(4) Pemberian solusi Islam atas setiap persoalan umat yang muncul.	Tersampainya gagasan (pemikiran, perasaan dan hukum) Islam sebagai solusi atas segala problematika umat, khususnya persoalan-persoalan aktual.
(5) Pembinaan intensif keislaman untuk badan-badan keagamaan.	Meningkatnya kapasiti pemahaman, perasaan dan ketundukan modal insan badan-badan keagamaan terhadap Islam.
(6) Pembinaan intensif keislaman untuk kaki tangan kerajaan Jakarta.	Meningkatnya kapasiti pemahaman, perasaan dan ketundukan kaki tangan kerajaan Jakarta terhadap Islam.
(7) Penyelenggaraan khidmat maklumat, komunikasi, pembujukan, media dan advokasi tentang Islam dalam berbagai bentuknya mengikut keperluan untuk seluruh umat Islam Jakarta.	Tersedianya layanan maklumat, komunikasi, pembujukan, media dan pembelaan tentang Islam untuk seluruh umat Islam Jakarta yang memenuhi kriteria <i>good public services</i> (profesional, transparan dan akuntabilitas, dan layanan prima)